

## **BAB II**

### **MEDIA CETAK**

#### **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Media cetak mempunyai pengaruh besar kepada manusia sama ada dalam aspek fizikal mahu pun spiritual. Sejak awal pratandanya dapat dikesan, sehingga ke zaman kemunculan pelbagai teknologi informasi masa kini, peranan media cetak adalah cukup bermakna, meliputi segenap urusan termasuklah kegiatan dakwah. Dalam konteks Malaysia, penggunaan media cetak sebagai wasilah dakwah turut diambil bahagian oleh banyak pihak. Antara pihak yang menjalankan kegiatan itu ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau ringkasnya JAKIM.

#### **2.1. Pengenalan JAKIM**

JAKIM ialah sebuah jabatan kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebagai sebuah jabatan kerajaan, ia mempunyai sejarah dan latar belakangnya tersendiri serta struktur organisasi, visi dan misi, objektif, fungsi dan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan.

##### **2.1.1. Sejarah Dan Latar Belakang Penubuhan**

Perlembagaan Malaysia menetapkan Islam sebagai agama rasmi negara dan kuasa mentadbirnya adalah di bawah kerajaan negeri.<sup>1</sup> Bagi merealisasikan hak ini, di tiap-tiap negeri ditubuhkan Majlis Agama Islam yang bertanggungjawab

---

<sup>1</sup>Lihat Perkara 3, *Federal Constitution* (1982): 13.

memberi nasihat kepada sultan mengenai perkara-perkara yang berkaitan Islam, dan pentadbiran hal ehwal Islam dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.<sup>1</sup> Oleh kerana pentadbiran hal ehwal Islam di bawah bidang tugas kerajaan negeri, satu bentuk penyelarasan dalam bidang ini adalah sangat perlu. Menyedari hakikat itu maka pada 17 Oktober 1968 Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-81 telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).<sup>2</sup> Serentak dengan penubuhan MKI itu juga Majlis Raja-Raja telah menetapkan bahawa Jabatan Perdana Menteri adalah urusetia bagi majlis itu. Dari sinilah bermulanya penglibatan Jabatan Perdana Menteri dalam pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini yang pada masa itu hanya merupakan satu unit kecil bagi melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan kepada majlis tersebut.<sup>3</sup> Berikutnya tertubuh pula beberapa badan penyelarasan yang lain iaitu Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Badan Perunding Islam dan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia. Badan-badan ini juga diurusetiakan oleh urusetia berkenaan justeru menjadikan peranan urusetia tersebut telah bertambah.<sup>4</sup>

Pada tahun 1974 bidang tugas urusetia ini makin berkembang apabila tugas-tugas urusetia bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dimasukkan di bawah tanggungjawabnya. Dengan itu pejabat urusetia ini telah dinaikkan taraf kepada sebuah bahagian di Jabatan Perdana Menteri dan diberi nama Bahagian Agama. Masjid Negara diletakkan di bawah Bahagian ini sebagai satu cawangan. Di

---

<sup>1</sup>Hashim Yeop A. Sani (1980): 173 - 176.

<sup>2</sup>Majlis ini mempunyai peranan memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran. Lihat Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1981): 2.

<sup>3</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1979): 1.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1989a): 2.

samping itu juga Pusat Penyelidikan Islam dan Institut Dakwah dan Latihan Islam digabungkan menjadi cawangan-cawangan dalam Bahagian Agama. Pada tahun 1978, Urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dipindahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 1982 sebuah jawatankuasa petugas telah dibentuk untuk mengkaji semula fungsi dan organisasi Bahagian Agama. Hasil kajian itu, mulai 1 Januari 1984 bahagian ini diperbesar dan diperkuat dengan menambah bilangan unit dan menaikkan taraf jawatan-jawatan ketua bahagian, ketua-ketua cawangan dan ketua-ketua unit. Dengan itu fungsi yang dijalankan olehnya bukan lagi hanya mengurusetiakan MKI, tetapi berkembang menjadi sebuah bahagian yang mempunyai beberapa cawangan tersendiri iaitu Pusat Penyelidikan Islam, Institut Dakwah dan Latihan Islam, Pentadbiran dan Penyelarasaran di samping Urusetia MKI itu sendiri. Bilangan jawatan juga telah ditambah sekali ganda.<sup>1</sup> Tugas bahagian ini bertambah besar apabila pada 21 Mei, 1984, Kerajaan Negeri Sabah menyerahkan tiga pusat latihan dakwah di negeri itu iaitu di Kudat, Kundasang dan Keningau untuk ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kemudian, pada 1 Ramadan 1405 bersamaan 21 Mei, 1985, bahagian ini ditukar namanya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Atas sebab-sebab keperluan semasa, pada akhir tahun 1995, BAHEIS telah membuat kajian menyeluruh terhadap fungsinya yang meliputi juga kajian semula struktur organisasinya. Hasilnya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Oktober, 1996 kerajaan telah meluluskan perakuan supaya BAHEIS dinaikkan taraf menjadi

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1985): 5.

sebuah jabatan penuh dengan nama barunya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, atau ringkasnya JAKIM berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997.<sup>1</sup>

### **2.1.2. Struktur Organisasi**

Berdasarkan perkembangan JAKIM sejak awal penubuhannya hingga kini, struktur organisasinya dapat dibahagikan kepada tiga bentuk, iaitu dari tahun 1974 hingga 1983, dari 1984 hingga 1996 dan dari 1997 hingga sekarang.

#### **(a) Struktur Organisasi Pada 1974 - 1983.**

Pada tahun 1970, JAKIM yang dikenali pada hari ini hanya merupakan sebuah urusetia kepada MKI yang dibentuk pada tahun 1968. Pada tahun 1974 urusetia tersebut dinaikkan taraf menjadi Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dengan mempunyai beberapa cawangan iaitu Urusetia MKI, Institut Dakwah dan Latihan Islam, Pusat Penyelidikan Islam dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Struktur organisasi Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu diketuai oleh seorang ketua pengarah daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang dibantu oleh dua orang timbalan ketua pengarah. Di bawahnya ada empat orang ketua unit iaitu Pengarah Pusat Penyelidikan Islam, Pengarah Institut Dakwah dan Latihan Islam, Ketua Penolong Setiausaha Urusetia MKI dan Ketua Penolong Setiausaha Badan Perunding Islam dan Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Carta Organisasi Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1974 - 1983 adalah seperti di Lampiran 2.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1997b): 1 - 2.

<sup>2</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1979): 2.

**(b) Struktur Organisasi Pada 1984 - 1996**

Struktur organisasi BAHEIS pada tahun 1984 disusun kepada 14 cawangan dan diketuai oleh seorang ketua pengarah dan dibantu oleh seorang timbalan ketua pengarah. Setiap cawangan itu diketuai oleh seorang pengarah cawangan dan di bawahnya terdapat ketua-ketua unit yang mengendalikan aktiviti-aktiviti cawangan. Cawangan-cawangan yang terdapat dalam organisasi BAHEIS dalam tempoh ini ialah Cawangan Urusetia Satu; Cawangan Urusetia Dua; Cawangan Pusat Penyelidikan Islam; Cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam; Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam; Cawangan Pentadbiran; Cawangan Kewangan dan Pembangunan; Institut Pengajian Tahfiz al-Qur'an; Masjid Negara; Cawangan Penerbitan; Cawangan Dakwah Khas Orang Asli; BAHEIS Cawangan Sabah; BAHEIS Cawangan Sarawak; dan Cawangan Sistem Maklumat Islam. Carta organisasi BAHEIS pada 1984 hingga 1996 adalah seperti di Lampiran 3.

**(c) Struktur Organisasi Pada 1997 Hingga Sekarang**

Mulai 1 Januari 1997, organisasi JAKIM disusun bagi memenuhi pengembangan fungsinya melalui 14 bahagian iaitu Bahagian Penyelidikan Islam; Bahagian Dakwah; Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam; Bahagian Pembangunan Media Elektronik dan Penyiaran; Bahagian Penerbitan; Bahagian Informasi Islam; Bahagian Penasihat Undang-Undang; Bahagian Pentadbiran dan Kewangan; Bahagian Latihan; Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa; Bahagian Masjid Negara; JAKIM Cawangan Sarawak; JAKIM Cawangan Sabah; dan Cawangan Audit Dalam. Ia diterajui oleh seorang ketua

pengarah dan dibantu oleh dua orang timbalan ketua pengarah iaitu Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan. Carta organisasi JAKIM pada 1997 hingga sekarang adalah seperti di Lampiran 4.

### **2.1.3. Visi Dan Misi**

Berdasarkan perubahan fungsi dan struktur organisasinya pada 1997, JAKIM telah menetapkan visinya sebagai: "Berusaha melahirkan ummah yang progresif dan berakhlaq mulia berteraskan Islam dan seajar dengan wawasan negara melalui sebuah organisasi pengurusan dan penyelarasan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan." Misi JAKIM pula ialah : "Menguruskan hal ehwal Islam secara efisyen untuk kesejahteraan ummah".

### **2.1.4. Objektif Dan Fungsi**

Objektif JAKIM ialah: "Memastikan kesucian agama Islam terpelihara; dan membentuk kesejahteraan ummah berteraskan Islam melalui perancangan dan pelaksanaan yang berkesan." Bagi mencapai objektif tersebut, fungsi-fungsi JAKIM telah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Bertanggungjawab sebagai perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di negara ini;
- (b) Merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam;
- (c) Membantu menggubal dan menyeragamkan undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaras pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari semasa ke

- semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam;
- (d) Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara;
  - (e) Menyelaras mekanisme penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan dalam pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara;
  - (f) Membuat penilaian program-program hal ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini;
  - (g) Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam; dan
  - (h) Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

#### **2.1.5. Aktiviti**

JAKIM menjalankan 14 aktiviti besar. Aktiviti-aktiviti itu ialah penyelidikan, dakwah, pembangunan pendidikan Islam, media komunikasi dan penyiaran, penerbitan media cetak, informasi Islam, penasihatuan undang-undang, pentadbiran dan kewangan, latihan, keurusetiaan dan perhubungan antarabangsa, aktiviti Masjid Negara, aktiviti JAKIM di Sabah, aktiviti JAKIM di Sarawak dan audit dalam.

Aktiviti penyelidikan yang dikendalikan oleh JAKIM ialah dalam bidang-bidang syariah, akidah, pembangunan undang-undang, tapisan penerbitan bercetak dan audio visual, kawalan makanan dan barang gunaan Islam dan pembangunan

ekonomi Islam. Aktiviti dakwah pula ialah meliputi enam bidang, iaitu perancangan dakwah antarabangsa, kaunseling dan khidmat nasihat, kefahaman dan penerapan nilai-nilai Islam, dakwah khas Orang Asli, pengimaranan masjid dan pembangunan sosial. Bidang pembangunan pendidikan Islam yang dijalankan oleh JAKIM pula mempunyai tiga aktiviti induk iaitu merancang dan melaksanakan program kelas al-Qur'an dan fardu ain (KAFA), pengurusan am dan urusetia Lembaga Penasihat Penyelaras Pembangunan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Dalam bidang media komunikasi dan penyiaran, aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah berkaitan dengan penyiaran radio dan televisyen khusus mengenai rancangan-rancangan mengenai hal ehwal Islam.

Aktiviti penerbitan media cetak yang dijalankan oleh JAKIM ialah penerbitan buku, jurnal, majalah, buletin, risalah dan terbitan rampaian seperti tabloid, kalendar, poster dan stiker, termasuk urusan memasarkannya. Kegiatan berkenaan informasi Islam pula meliputi tugas-tugas perolehan dan khidmat pengguna, operasi dan penyelenggaraan, khidmat internet dan pembangunan sistem. Tanggungjawab dalam bidang penasihat undang-undang ialah melaksanakan tugas-tugas memberi khidmat nasihat undang-undang kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pengarah-pengarah bahagian berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, akta, enakmen dan statut-statut lain dan memberi khidmat nasihat kepada jabatan agama Islam dan pihak-pihak berkuasa agama negeri. Aktiviti pentadbiran dan kewangan JAKIM ialah tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan, kewangan dan pembangunan, perjawatan dan perkhidmatan, perhubungan awam, khidmat perpustakaan dan muzium Islam. Aktiviti latihan yang dikendalikan oleh JAKIM pula ialah meliputi perancangan dan keperluan sumber tenaga, merancang keperluan latihan di dalam

dan di luar negeri, menggubal kurikulum Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Darul Quran dan Pusat Pemurnian Akidah, melaksanakan aktiviti-aktiviti latihan melalui ILIM, melaksanakan aktiviti pengajian-pengajian berkaitan tahliz al-Qur'an melalui Darul Quran, dan melaksanakan perjalanan Pusat Pemurnian Akidah.

Aktiviti yang dilaksanakan berkaitan bidang keurusetiaan dan perhubungan antarabangsa ialah mengendalikan tugas-tugas keurusetiaan bagi MKI dan badan-badan perancang dan penyelaras lain yang ditubuhkan oleh JAKIM, melaksanakan program sambutan perayaan hari kebesaran Islam peringkat kebangsaan, menganjurkan majlis tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mengendalikan urusan-urusan Pertemuan Tidak Rasmi Menteri Agama Negara-Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS), menguruskan mesyuarat Pegawai-Pegawai Tinggi MABIMS (SOM), mengurusetiakan pertemuan-pertemuan di peringkat teknikal/pakar MABIMS, penglibatan dengan pertubuhan-pertubuhan Islam serantau dan antarabangsa seperti RISEAP, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan bimbingan Islam warganegara Malaysia di luar negara dan memastikan warganegara Malaysia di luar negara mendapat bimbingan dan maklumat yang tepat dalam bidang keislaman. Aktiviti yang dijalankan oleh Masjid Negara ialah merancang dan menyusun program-program pengajian dan pendidikan untuk kanak-kanak dan orang-orang dewasa, mengurus dan mengendalikan sambutan tetamu dan majlis-majlis rasmi Masjid Negara, merancang, menyusun dan melaksanakan program-program khidmat masyarakat, merancang penerbitan, cetak-mencetak buku-buku, risalah dan bahan-bahan penerbitan Masjid Negara.

JAKIM juga melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu di Sabah dan Sarawak. Aktiviti JAKIM di Sabah ialah penyelidikan mengenai akidah, akhlak dan sosial, kawalan makanan dan barang orang Islam, penyelarasan program dakwah di peringkat negeri, memberi penerangan berkaitan Islam kepada masyarakat, memberi perkhidmatan kaunseling dan mengendalikan perjalanan tiga buah pusat latihan iaitu Pusat Latihan Dakwah Kudat (Wanita), Pusat Latihan Dakwah Kundasang dan Pusat Latihan Dakwah Keningau. Manakala aktiviti JAKIM di Sarawak ialah menyelaraskan pelaksanaan program dakwah di peringkat negeri, memberi penerangan mengenai Islam kepada masyarakat, memberi perkhidmatan kaunseling, menguruskan pusat-pusat pengajian dan latihan iaitu Pusat Pengajian Pengkaderan Dakwah, Pusat Pengajian Akademi Dakwah dan Pusat Pengajian Tafaqquh Fiddin dan Pusat Latihan Sarawak. Aktiviti audit dalam pula bertanggungjawab mengenai operasi-operasi dan rekod-rekod dalam JAKIM melalui pemeriksaan secara bebas dan seterusnya melaporkan kepada ketua jabatan mengenai hasil-hasil pemeriksaan itu terhadap kesempurnaan dan prestasi operasi-operasi akaun dan pengurusan.

Daripada penjelasan di atas, dapatlah diketahui pengenalan dan tugas JAKIM selaku sebuah jabatan kerajaan yang melaksanakan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di negara ini. Antara aktiviti penting yang dijalankan oleh jabatan ini ialah penerbitan media cetak.

## **2.2. Latar Belakang Aktiviti Penerbitan Media Cetak JAKIM**

Sebagaimana telah dijelaskan di atas, penerbitan media cetak adalah salah satu aktiviti yang dilaksanakan oleh JAKIM. Dalam hubungan ini JAKIM boleh

dikategorikan sebagai sebuah penerbit. Ini berdasarkan definisi penerbit oleh UNESCO yang menyatakan penerbit ialah pihak yang mengeluarkan sekurang-kurangnya empat judul buku setahun.<sup>1</sup> JAKIM, sejak memulakan operasinya selaku sebuah urusetia di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1968 hingga 1997 telah menerbitkan 179 judul buku iaitu 138 judul buku berjual dan 41 judul buku percuma di samping penerbitan-penerbitan lain iaitu 30 keluaran jurnal, hampir 200 keluaran majalah, 50 keluaran buletin, 318 judul risalah, dan sejumlah keluaran terbitan rampaian seperti tabloid, takwim, poster dan stiker.

### **2.2.1. Sejarah Penubuhan Bahagian Penerbitan**

Dari sudut sejarah, kegiatan penerbitan media cetak JAKIM mula digerakkan pada 1968 apabila YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (m. 1990), Perdana Menteri Malaysia mengarahkan JAKIM (Urusetia MKI pada masa itu) supaya menerbitkan sebuah kitab tafsir al-Qur'an dalam bahasa Malaysia. Usaha awal ini berjalan tanpa wujudnya satu organisasi yang kemas sehingga pada tahun 1974 apabila sebuah unit diwujudkan di bawah Cawangan Pusat Penyelidikan Islam<sup>2</sup> yang diberi nama Unit Dokumentasi. Pusat Penyelidikan Islam yang ditubuhkan pada tahun 1971 mempunyai objektif untuk mengkaji dan menyelidik masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam Malaysia berdasarkan Islam dan memberi pandangan serta perakuan bagi mengatasi masalah-

---

<sup>1</sup>Hamed Mohd. Adnan (1996): 81.

<sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Islam ditubuhkan pada tahun 1971 hasil daripada hasrat masyarakat Islam di negara ini yang disuarakan dalam Persidangan Islam Se Malaysia dan Persidangan Islam Se Dunia yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1969. Pengujudan pusat ini telah dipersestui oleh MKI. Ia mempunyai empat unit iaitu Unit Umum, Unit Akidah, Unit Syariah dan Unit Dokumentasi. Pegawai pusat ini yang pertama ialah Dr. Rauf Shalabi, seorang ulama yang dibantukan oleh al-Azhar. Dr. Rauf telah berkhidmat selama kira-kira tiga tahun. Mulai 1 April, 1974, pusat ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai tempatan. Lihat Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1979): 61.

masalah berkenaan. Oleh itu bidang penerbitan media cetak yang menjadi salah satu aktiviti Pusat Penyelidikan Islam ini turut sama merealisasikan objektif tersebut. Pada tahun 1984, Unit Dokumentasi diletakkan di bawah Cawangan Pentadbiran dan Penyelarasaran. Kemudian pada tahun 1987 ia menjadi satu cawangan yang berasingan sehingga tahun 1996. Apabila BAHEIS dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan pada tahun 1997, Cawangan Penerbitan menjadi Bahagian Penerbitan dengan beberapa perubahan struktur. Untuk melihat organisasi berkaitan dengan Bahagian Penerbitan sejak awal hingga kini, sila lihat Lampiran-Lampiran 2, 3 dan 4.

### **2.2.2. Organisasi Bahagian Penerbitan**

JAKIM mempunyai satu bahagian khusus yang dinamakan Bahagian Penerbitan bagi mengendalikan aktiviti penerbitan media cetaknya. Dalam struktur baru JAKIM yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1997, Bahagian Penerbitannya mempunyai 33 jawatan.<sup>1</sup> Ia diketuai oleh seorang pengarah dari perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam gred S2 dengan dibantu oleh 10 orang daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan 22 orang daripada kumpulan sokongan. Secara terperinci tenaga manusia Bahagian Penerbitan adalah seperti dalam jadual 2.1 berikut:<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Peruntukan sebenar jawatan-jawatan ini belum muktamad kerana pada masa penulisan ini dibuat, pihak agensi pusat masih belum mengeluarkan waran perjawatan bagi kumpulan sokongan terhadap keseluruhan perjawatan baru JAKIM.

<sup>2</sup>Kementerian Kewangan Malaysia (1997).

## Jadual 2.1

### Jawatan-jawatan Dalam Bahagian Penerbitan JAKIM

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pengarah (Pegawai Hal Ehwal Islam)	S2	1
2.	Penolong Pengarah (Pegawai Hal Ehwal Islam)	S3	9
3.	Penolong Pengarah (Pegawai Penerbitan)	N3	1
4.	Penolong Akauntan	W6	1
5.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S5	3
6.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S7	5
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N9	4
8.	Pereka	B7	1
9.	Ahli Fotografi	B7	1
10.	Operator Mesin	N13	3
11.	Penjilid Buku	N13	1
12.	Pembantu Am Rendah	N13	3
JUMLAH			33

Jika dilihat dari sudut sejarah dan perkembangan kegiatan penerbitan yang dijalankan oleh JAKIM sejak tahun 1968 hingga kini, perubahan dari segi kapasiti tenaga manusia berlaku agak begitu ketara. Pada peringkat awalnya, iaitu sebelum unit khusus mengenai penerbitan diwujudkan, hanya seorang pegawai sahaja ditugaskan mengendalikan aktiviti penerbitan. Setelah tertubuhnya Unit

Dokumentasi di bawah Cawangan Pusat Penyelidikan Islam pada 1974 hingga 1983, jawatan-jawatan yang diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti penerbitan ini ialah seramai enam orang. Kemudian pada tahun 1984 hingga 1986, iaitu ketika unit berkenaan diletakkan di bawah Cawangan Pentadbiran dan Penyelaras, jumlah itu telah bertambah kepada 27 orang. Pada tahun 1987 ketika unit ini dijadikan sebagai sebuah cawangan yang berasingan, tenaga pegawai dan kakitangan telah bertambah kepada 32 orang. Mulai tahun 1997, iaitu apabila JAKIM dinaikkan taraf sebagai sebuah jabatan dan Cawangan Penerbitan menjadi sebuah bahagian, peruntukan pegawai dan kakitangan telah ditambah seorang menjadikan jumlahnya 33 orang.

Dalam pelaksanaan aktiviti penerbitan media cetak ini, struktur Bahagian Penerbitan secara tidak rasminya dibahagikan kepada lima unit, iaitu unit buku, unit majalah, unit risalah dan rampaian, unit pengurusan dan unit pemasaran. Pecahan pegawai dan kakitangan mengikut unit-unit tersebut adalah seperti dalam jadual 2.2 dan carta organisasi Bahagian Penerbitan adalah seperti di Lampiran 5.

### **2.2.3. Dasar, Objektif Dan Fungsi Penerbitan Media Cetak**

Dasar, atau polisi ialah pedoman, panduan, dan rancangan bertindak yang dirangka untuk memantapkan hala tuju sesuatu organisasi. Dalam konteks penerbit media cetak, Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak dari Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya menyatakan bahawa sesuatu dasar tertentu amatlah diperlukan untuk dijadikan panduan bagi segala rancangan dan tindakan yang akan dilaksanakan bagi mencapai cita-cita membentuk masyarakat yang berilmu.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak (1995): 2.

Jadual 2.2

Pembahagian Pegawai dan Kakitangan Bahagian Penerbitan Mengikut Unit

Bil.	Kumpulan Pegawai	Unit Buku	Unit Majalah	Unit Risalah & Rampaihan	Unit Pengurusan	Unit Pemasaran	Jumlah
<hr/>							
1.	Pengurusan & Profesional						1 orang
	(a) Pengarah						1 orang
	(b) Penolong Pengarah	2	5	1	1	1	10 orang
2.	Sokongan	2	4	0	12	4	22 orang
	Jumlah	4	9	1	13	5	33 orang

Dalam hal ini, penerbitan media cetak JAKIM didapati mempunyai dasar melaksanakan dakwah. Kenyataan ini dapat dilihat kepada aspirasi yang terkandung dalam objektif JAKIM itu sendiri iaitu untuk memastikan kesucian agama Islam terpelihara dan membentuk kesejahteraan ummah berteraskan Islam melalui perancangan dan pelaksanaan yang berkesan. Bagi menjelaskan lagi matlamat ini, Bahagian Penerbitan JAKIM telah menetapkan satu objektif khusus yang tidak terkeluar daripada matlamat yang hendak dicapai oleh JAKIM, iaitu "untuk memperkayakan bahan-bahan bacaan berunsur Islam dalam berbagai bidang bagi membangun pemikiran ummah dan menyebarkan dakwah Islamiah; dan mewujudkan pengurusan penerbitan yang berkesan di JAKIM".

Untuk mencapai objektif tersebut, beberapa fungsi bahagian ini telah ditetapkan, iaitu :

- (a) menerbitkan buku, jurnal, majalah, risalah, pamflet, takwim Islam, poster, stiker dan lain-lain;
- (b) menterjemah dan menguruskan terjemahan bahan-bahan untuk diterbitkan;
- (c) menulis dan menguruskan penulisan bahan-bahan untuk diterbitkan;
- (d) menguruskan percetakan terbitan JAKIM;
- (e) menguruskan peraduan penulisan berunsur Islam;
- (f) mengedarkan terbitan percuma dan memasarkan terbitan jualan terbitan JAKIM;
- (g) memberi khidmat fotografi dan grafik kepada bahagian-bahagian di JAKIM; dan
- (h) menguruskan pentadbiran bahagian.

Dalam melaksanakan usaha penerbitan media cetak ini, kekeliruan mungkin timbul apabila melihat kepada sudut kepentingan antara tugas JAKIM sebagai jabatan kerajaan yang bermatlamatkan kesejahteraan ummah dengan matlamat komersil. Yang nyata ialah JAKIM mahu meletakkan matlamat yang pertama iaitu melaksanakan dakwah lebih utama manakala soal keuntungan hasil daripada jualan produknya adalah soal kedua. Oleh itu didapati harga terbitan jualan JAKIM diletakkan pada paras yang agak rendah.<sup>1</sup> Walaupun soal ini tidak termaktub dengan jelas dalam mana-mana catatan rasmi, namun daripada aspirasi yang tercatat dalam objektif JAKIM dapat memberi penunjuk tentang matlamat ini. Hal ini juga dapat dibuktikan dengan melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh JAKIM dalam bidang ini. Sebagai contoh, dalam bidang penerbitan buku, selain menerbitkan terbitan untuk jualan, JAKIM juga menerbitkan terbitan percuma. Begitu juga dengan jenis yang lain seperti jurnal, majalah, buletin, risalah dan lain-lain yang hampir keseluruhannya diedarkan percuma yang jumlahnya bukan sedikit dan melibatkan peruntukan yang besar. Hal ini akan dapat dilihat dengan lebih jelas dalam huraian-huraian selanjutnya dalam fasil 2.3 akan datang.

Selain itu Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pengarah JAKIM sering membuat penegasan tentang perkara ini dalam beberapa perbincangan, mesyuarat dan sebagainya. Contohnya YB Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman pernah menegaskan bahawa penerbitan yang dihasilkan oleh JAKIM bukanlah berdasarkan keinginan untuk bersaing mencari keuntungan semata-mata, sebaliknya ia berperanan sebagai pendakwah yang akan memberi kesedaran jiwa dan pembimbing kepada pembaca.<sup>2</sup> Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Abdul Kadir,

---

<sup>1</sup>Sila lihat contoh-contoh perbandingan harga terbitan JAKIM dengan beberapa terbitan penerbit lain di Lampiran 6.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993c): iii.

ketika beliau menjadi Ketua Pengarah BAHEIS pernah menyatakan bahawa dalam menghadapi cabaran-cabaran mendatang, usaha menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat perlu diberi pertimbangan utama, kerana ilmu agama merupakan alat membentuk sebuah masyarakat yang bukan hanya maju, tetapi bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupannya.<sup>1</sup> Penegasan tersebut menunjukkan dasar penerbitan JAKIM ialah dakwah.

Daripada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa JAKIM telah mempunyai satu organisasi yang berstruktur, satu kumpulan tenaga kerja yang khusus, serta dasar, objektif dan fungsi yang terancang bagi melaksanakan aktiviti penerbitan media cetak. Keadaan ini membolehkan JAKIM bergerak secara lebih berkesan untuk menerbitkan beberapa jenis penerbitan media cetak bagi mencapai matlamatnya.

### **2.3. Penerbitan Media Cetak JAKIM**

Media cetak JAKIM dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu buku, jurnal, majalah, buletin, risalah dan terbitan rampaian seperti tabloid, kalender, poster dan stiker. Terbitan tersebut mempunyai kepelbagaiuan bidang dan pendekatan tersendiri sesuai dengan sasaran dan keperluan pembaca di negara ini.

#### **2.3.1. Penerbitan Buku**

Buku ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi satu kesatuan bentuk melalui jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993c): iv.

daripada kertas dalaman teks, dan diedarkan kepada massa. Mengikut UNESCO, sesebuah "buku" itu dapat menepati konsep buku yang sebenar jika ia mempunyai lebih 49 halaman bercetak.<sup>1</sup> Buku-buku JAKIM dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu buku jualan dan buku percuma.

#### (a) **Buku Jualan**

Bagi kategori buku jualan, buku-buku diterbitkan meliputi bidang-bidang al-Qur'an dan tafsir, al-sunnah/hadith, akidah, syariah dan undang-undang, tasawuf dan akhlak, pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi, politik, falak dan astronomi, pengurusan, sejarah, kesihatan, kejuruteraan, sains, biografi dan kesusasteraan. Sehingga tahun 1997, hasil yang telah dicapai oleh JAKIM dalam penerbitan buku mengikut bidang adalah seperti dalam jadual 2.3.

Jadual 2.3

Prestasi Penerbitan Buku Jualan JAKIM Dari 1968 Hingga 1997 Mengikut Bidang

Bil. Bidang	1968-79	1980-89	1990-97	Jumlah	%
1. Al-Qur'an/Tafsir	1	6	4	11	7.9
2. Al-Sunnah/Hadith	2	4	14	20	14.5
3. Akidah	-	-	11	11	7.9
4. Syariah/Undang-Undang	-	6	9	15	10.9
5. Tasawuf/Akhlik	-	-	11	11	7.9
6. Pendidikan	-	4	3	7	5.0
7. Kemasyarakatan	-	2	2	4	2.9

<sup>1</sup>Hamedи Mohd. Adnan (1996): xv.

8. Ekonomi	-	1	2	3	2.2
9. Politik	-	3	-	3	2.2
10. Falak/Astronomi	-	2	1	3	2.2
11. Pengurusan	-	1	1	2	1.5
12. Sejarah	-	-	2	2	1.5
13. Kesihatan	-	1	-	1	0.7
14. Sains	-	-	1	1	0.7
15. Kejuruteraan	-	-	-	1	0.7
16. Biografi	-	-	1	1	0.7
17. Kesusasteraan	2	9	31	42	30.4
 Jumlah	 5	 40	 93	 138	 100.0

Daripada jadual di atas, didapati JAKIM telah menerbitkan sejumlah 138 judul buku jualan. Daripada jumlah ini, buku kesusasteraan paling banyak diterbitkan, iaitu 42 judul (30.4 peratus), diikuti oleh buku hadith, 20 judul (14.5 peratus), buku syariah 15 judul (10.9 peratus), buku dalam bidang al-Qur'an dan tafsir, akidah serta tasawuf dan akhlak masing-masing 11 judul (7.9 peratus). Buku-buku dalam bidang lain adalah di bawah 10 judul.<sup>1</sup>

Dalam bidang pengajian al-Qur'an dan tafsir, JAKIM telah menerbitkan sebuah kitab tafsir berjudul *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Penerbitan kitab tafsir ini diusahakan adalah atas dasar bahawa umat Islam selain dituntut membaca al-Qur'an, mereka juga dituntut untuk mengetahui makna dan tafsirannya supaya segala ajarannya difahami, dipatuhi dan diamalkan dengan

---

<sup>1</sup>Senarai buku jualan JAKIM adalah seperti di Lampiran 7.

sempurna. Dasar ini diambil daripada saranan Allah (s.w.t.) seperti yang ditegaskan dengan jelas dalam ayat 29, Surah Sad.<sup>1</sup> Penerbitan kitab tafsir ini merupakan hasrat kerajaan bagi faedah seluruh rakyat khususnya yang menganuti agama Islam. Sebaik sahaja JAKIM beroperasi sebagai sebuah urusetia di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1968, YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (m. 1990), Perdana Menteri pada masa itu telah mengarahkan supaya sebuah kitab tafsir al-Qur'an disiapkan.<sup>2</sup> Penulisan kitab ini telah dimulai pada tahun 1968 oleh Ustaz Faisal Hj. Othman, tetapi tidak diketahui setakat mana beliau menulis kitab tersebut. Selepas itu kerja-kerja penulisan dilakukan sepenuhnya oleh Syekh Abdullah Basmeih<sup>3</sup> sehingga selesai 30 juz al-Qur'an pada tahun 1972. Ia kemudian disemak oleh Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, (ketika itu Mufti Kerajaan Kelantan) dengan kerjasama Datuk Syekh Abdul Mohsein Haji Salleh (ketika itu menjadi Mufti Wilayah Persekutuan) dan al-Fadil Ustaz Abu Hassan Din al-Hafiz (masa itu menjawat jawatan Pemangku Imam Besar Masjid Negara). Mereka telah meneliti, menyemak dan mengesahkan penulisan yang dibuat oleh Syekh Abdullah Basmeih tersebut.<sup>4</sup> Kitab ini merupakan kitab tafsir yang paling muktabar yang dihasilkan di negara ini, kerana punca-punca kajiannya adalah daripada kitab-kitab tafsir yang muktabar.<sup>5</sup> Dengan terhasilnya sebuah kitab tafsir yang ulung di negara ini, ia memberi sumbangan yang bermakna dalam perkembangan dakwah Islam di negara ini.

---

<sup>1</sup>Ayat tersebut bermaksud: "Al-Qur'an ini sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), - kitab yang banyak faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat (mematuhi ajarannya)." Lihat *al-Qur'an*, Sad 38: 29.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1980): ix.

<sup>3</sup>Nama penuh beliau ialah Syekh Abdullah bin Syekh Muhammad bin Saleh Basmeih. Beliau dilahirkan di Mekah pada 29 Disember, 1913. Ketika berusia 14 tahun beliau telah dibawa oleh ayahnya ke Malaysia dan menetap di Melaka iaitu pada tahun 1927. Beliau mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang penulisan Islam dan pernah bertugas dengan beberapa penerbit sebelum berkhidmat dengan JAKIM pada tahun 1968.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1980): x.

<sup>5</sup>Sila lihat senarai rujukan kitab tafsir ini di Lampiran 8.

Buku-buku lain yang dihasilkan dalam bidang al-Qur'an ialah buku-buku yang mengupas sesuatu tajuk tertentu. Judul-judulnya ialah *al-Qur'an : Mesej Kesejahteraan Sejagat* oleh Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin, *al-Qur'an Sumber Tamadun Islam* oleh Dr. Mustafa Haji Daud, *Ayat Dialog Nabi-Nabi Dalam al-Qur'an* oleh JAKIM, *Ayat-Ayat Hal Ehwal Wanita Dalam al-Qur'an* oleh JAKIM, *Kaedah Tajwid Resam Uthmani Dalam al-Qur'an* oleh Ustaz Mahadi Dahlan dan Ustaz Azahari Haji Othman, *Khulasah al-Qur'an* Jilid 1 dan 2 oleh Wan Ismail Wan Nawang, *Ulum al-Qur'an Satu Pengenalan* oleh Dr. Mohd. Zawawi Abdullah dan *Tafsir Pimpinan al-Rahman KBSM 1 dan 2* oleh Syekh Abdullah Basmeih.

Selain bidang al-Qur'an dan tafsir, penerbitan kitab-kitab hadith adalah prioriti kedua dalam penerbitan media cetak JAKIM. Dalam bidang ini JAKIM telah menerbitkan empat judul kitab hadith iaitu *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)*, *Terjemahan Sahih al-Bukhari*, *Terjemahan Riyad al-Salihin* dan *Bulugh al-Maram* serta beberapa buah buku umum yang berfaedah dalam pengajian ilmu hadith.

Penerbitan kitab *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)* oleh JAKIM adalah atas ilham YAB Tun Haji Abdul Razak bin Husin (m. 1976) pada awal tahun 1970-an, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Siri kitab ini merupakan usaha lanjutan selepas penerbitan kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* untuk memberi huraian yang lebih jelas dan terang tentang Islam dan ajaran-ajarannya dari hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.).<sup>1</sup> Kitab ini yang diterbitkan dalam versi Jawi dan Rumi ditulis dan disusun oleh Syekh Abdullah bin Mohd. Basmeih dan telah diterbitkan sebanyak empat jilid iaitu jilid muqaddimah, jilid satu, jilid dua

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1973): 1 - 2.

dan jilid tiga. Kitab ini merupakan satu siri kitab hadith yang memuatkan himpunan hadith pilihan yang mengandungi panduan-panduan lengkap mengenai Islam. Penerbitannya telah dirancang untuk memenuhi keperluan aspek-aspek ajaran Islam yang meliputi iman (Ilmu Tauhid), Islam (hukum-hukum syarak) dan ihsan (akhlak dan asuhan budi).<sup>1</sup> Hadith-hadith yang dipilih dan dikumpulkan itu, setelah diterjemah diikuti pula dengan huraian-huraian maksudnya dengan berpandukan kitab-kitab huraian hadith dan pendapat-pendapat yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat di negara ini.<sup>2</sup>

Terbitan sulung siri kitab ini ialah *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)* iaitu diterbitkan dalam tahun 1973. Dalam jilid ini, hadith-hadith yang dikumpul dan diurai ialah sebanyak 42 buah hadith yang berkaitan pengenalan Islam yang menjadi asas bagi penerbitan jilid-jilid seterusnya. Ia telah disusun dalam sepuluh bab, meliputi judul-judul "sebesar-besar perkataan dan sebaik-baik jalan pimpinan", "wajib berpegang teguh kepada kitab Allah dan jalan pimpinan Rasulullah (s.a.w.), "agama yang direndai Allah ialah Islam", "kelebihan agama Islam", "rukun-rukun agama (iman, Islam dan ihsan)", "iman dan Islam yang sempurna", "wajib menuntut ilmu agama dengan kelebihannya", "wajib menyampaikan ilmu agama dan kelebihannya," "wajib bersikap ikhlas dalam menuntut ilmu dan dalam mengerjakan sesuatu amal ibadat atau taat" dan "nilai segala amal berdasarkan niat".<sup>3</sup> Ambilan hadith-hadith dan huraian-huraian dalam jilid ini adalah daripada 30 buah kitab yang dijadikan sebagai punca kajian.<sup>4</sup> Penulisan jilid ini telah disemak oleh Dato' Haji Mohd. Noor Ibrahim bersama-

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1974) 1: 5.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1973): 5.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1973): 139 - 155.

<sup>4</sup>Sila lihat senarai rujukan kitab tersebut di Lampiran 9.

sama Haji Ismail Yusuf iaitu Mufti dan Penolong Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada masa itu.

Jilid pertama kitab *Mastika Hadith* pula diterbitkan pada tahun 1974 dengan ketebalan 300 halaman. Ia mengandungi 143 hadith yang membicarakan mengenai iman. Hadith-hadith tersebut disertakan dengan maknanya dan huraianya, dan tidak kurang daripada 40 buah hadith lagi yang diambil maksudnya sahaja. Di samping paparan hadith-hadith itu, dikemukakan juga ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil-dalil asasi terhadap sesuatu penghuraian. Kitab ini mempunyai enam bab, iaitu bab-bab "beriman kepada Allah", "beriman kepada rasul-rasul Allah", "beriman kepada kitab-kitab Allah", "beriman kepada adanya malaikat", "beriman kepada adanya hari Akhirat" dan "wajib beriman kepada *qadar taqdir*".<sup>1</sup> Seperti juga dalam jilid muqaddimahnya, kitab *Mastika Hadith* jilid pertama ini mempunyai senarai sumber rujukan daripada kitab-kitab yang muktabar, iaitu sebanyak 46 buah kitab.<sup>2</sup>

Setelah selesai membicarakan mengenai tauhid dalam jilid muqaddimah dan jilid pertama, kelahiran jilid kedua siri kitab ini pula membicarakan tentang ibadat. Kitab *Mastika Hadith* jilid kedua setebal 441 halaman ini mengandungi 260 hadith yang disertakan dengan maknanya dan huraianya dan sejumlah hadith-hadith yang diambil maksudnya sahaja. Tiap-tiap hadith pula diterangkan darjatnya sama ada ia *sahih* atau *hasan* atau pun *daif* dan disertakan dengan nama kitab tempat ambilannya. Jilid kedua ini disusun kepada dua bab yang masing-masing dipecahkan kepada beberapa fasal. Bab pertama ialah mengenai kebersihan dan

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1974) 1: 291 - 300.

<sup>2</sup>Senarai tersebut dapat dilihat dalam Lampiran 10.

kesucian dalam Islam, manakala bab kedua ialah perihal sembahyang. Pada akhir bab kedua dimasukkan juga hadith-hadith dan huraian-huraian beberapa perkara yang berhubung dengan jenazah dan kubur.<sup>1</sup> Huraian dalam jilid kedua ini berdasarkan 46 buah kitab rujukan yang terdiri daripada kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadith, kitab-kitab fekah dan lain-lain.<sup>2</sup>

Jilid ketiga siri kitab ini pula diterbitkan pada tahun 1996. Ia mengandungi hadith-hadith dan huraian sekitar ibadat puasa dan zakat. Dalam bahagian puasa, pengarang menyentuh kelebihan puasa secara am dan khusus, kelebihan bulan Ramadan, masalah rukyah, penjelasan tentang niat puasa dan sebagainya. Manakala dalam bahagian zakat, pengarang membicarakan kedudukan zakat dalam Islam, jenis-jenis harta zakat, zakat fitrah, masalah membayar zakat fitrah dengan wang, tugas pemerintah tentang zakat dan orang yang berhak menerima zakat.<sup>3</sup> Kitab setebal 362 halaman ini dihuraikan berdasarkan 39 buah kitab rujukan.<sup>4</sup> Kitab ini merupakan hasil terakhir penulis sebelum beliau kembali ke rahmatullah.

Berdasarkan huraian dan penjelasan di atas, didapati bahawa kitab *Mastika Hadith Rasulullah (s.a.w.)* ini merupakan sebuah siri kitab hadith yang penting dan mempunyai kewibawaan sebagai bahan bacaan dakwah. Ini adalah kerana penulisnya adalah seorang tokoh yang mempunyai ilmu Islam yang mendalam, mempunyai bakat dan ilmu dalam bidang penulisan serta penulisannya berdasarkan kitab-kitab yang muktabar. Penulisan siri kitab ini masih belum selesai seperti yang dirancangkan. Aspek-aspek yang belum disentuh ialah mengenai haji dalam

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1984) 2: 432 - 441.

<sup>2</sup>Senarai kitab-kitab tersebut dapat dilihat pada lampiran 11.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996a) 3: 360 - 367.

<sup>4</sup>Senarai kitab tersebut dapat dilihat pada Lampiran 12.

bahagian ibadat, serta persoalan ihsan iaitu akhlak dan asuhan budi. Atas permintaan masyarakat, kitab ini telah diterbitkan dalam versi Rumi, iaitu jilid muqaddimah dan jilid satu diterbitkan dalam tahun 1991 manakala jilid kedua dan ketiga pada tahun 1997.

Kitab *Terjemahan Sahīh al-Bukhārī* ialah sebuah kitab hadith yang diterjemahkan daripada kitab *Sahīh al-Bukhārī*.<sup>1</sup> Inisiatif penerbitan kitab *Terjemahan Sahīh al-Bukhārī* ini sebenarnya telah dimulakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan penerbitan jilid pertamanya pada tahun 1986. Oleh kerana sesuatu hal, jilid kedua dan seterusnya diterbitkan oleh JAKIM. Semasa penerbitan jilid pertama, YADIM telah membentuk sebuah panel yang terdiri daripada 10 orang tokoh untuk menyiapkan kitab ini, iaitu Dr. Mohd. Saudi Haji Junid, Prof. Madya Hj. Khairuddin Muhammad, Prof Madya Osman Khalid, Ustaz Abdul Wahab Ahmad, Ustaz Zubir Haji Che Mat, Ustaz Abdullah Haji Omar, Ustaz Mohd. Zohir Othman, Ustaz Ismail Ripin @ Arifin, Ustaz Mohd. Yusof Abbas, dan Ustaz Abd. Kadir Hassan. Jilid pertama kitab ini setebal 318 halaman. Ia mengandungi enam kitab atau bab iaitu kitab *al-imān*, kitab *al-`ilm*, kitab *al-wuḍū'*, kitab *al-ghasl*, kitab *al-haid* dan bab *tayammum*.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Kitab *Sahīh al-Bukhārī* ialah sebuah kitab hadith yang telah disusun oleh al-Imām al-Bukhārī. Kitab ini mengumpulkan hadith-hadith darjah paling tinggi, iaitu hadith-hadith darjah *sahīh* yang kukuh dari segala aspeknya. Oleh kerana itu para ulama Islam Timur dan Barat memberi nama jolokan kepada *Sahīh al-Bukhārī* sebagai sebuah kitab yang paling sahih di muka bumi ini selepas Kitab Allah *al-Qurān al-Karīm*. Kitab ini mengandungi 7275 buah hadith termasuk hadith-hadith yang disebutkan berulang-ulang kali. Hadith-hadith ini merupakan hadith-hadith saripati yang sahih yang dipilih antara 600,000 hadith yang didengar, dikumpul dan dikaji oleh beliau selama 16 tahun. Kerana ciri istimewa inilah kitab *Sahīh al-Bukhārī* merupakan kitab hadith yang paling masyhur selaku sumber utama kepada berbagai-bagai kitab himpunan hadith yang lain. Ia disusun mengikut bab-bab sekah iaitu ibadat, muamalat dan sirah yang terdiri daripada 97 bab atau kitab. Al-Imām al-Bukhārī telah menyusun bab-bab itu dengan satu susunan istimewa yang menunjukkan betapa luasnya ilmu pengetahuan dan kefahaman beliau dalam perundangan Islam. Dalam setiap bab pada ghalibnya dimulakan dengan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan kemudian beliau mengemukakan pula pendapat-pendapat peribadinya di dalam berbagai-bagi bab itu. Lihat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (1986) 1: xii - xiii.

<sup>2</sup>Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (1986) 1: v.

Bagi jilid kedua, kitab ini telah diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 1990. Ia diterbitkan setebal 341 halaman dan memuatkan hadith-hadith serta pengertian dan huraian mengenai bab sembahyang. Banyak persoalan tentang sembahyang seperti sembahyang fardu, sembahyang sunat dan lain-lain serta segala masalah yang bersangkutan dengannya terdapat dalam kitab ini.<sup>1</sup> Kitab *Terjemahan Sahīh al-Bukhārī* jilid ketiga pula telah diterbitkan pada tahun 1992. Kitab jilid ketiga setebal 388 halaman ini mengandungi sebelas bab iaitu kitab *al-Jum`at*, bab sembahyang *khauf*, bab dua hari raya dan berhias padanya, bab sembahyang sunat *istisqā'*, bab menyatakan tentang sujud membaca al-Qur'an, bab berhubung sembahyang *qasar*, bab sembahyang *tahajjud*, bab kelebihan sembahyang di masjid di Mekah dan Madinah, bab menggunakan tangan di dalam sembahyang, bab hadith-hadith mengenai lalai terlupa dan bab jenazah.<sup>2</sup> *Terjemahan Sahīh al-Bukhārī* jilid empat pula diterbitkan pada tahun 1996. Kitab jilid ini setebal 391 halaman dan mengandungi hadith-hadith mengenai kewajipan zakat, kewajipan haji, umrah dan larangan-larangan semasa berihram.<sup>3</sup> Dalam jilid lima pula, ia mengandungi bab puasa, jual beli dan jual *salām*.<sup>4</sup> Kitab jilid ini juga diterbitkan dalam tahun 1996 dan tebalnya ialah 283 halaman.

Semasa JAKIM mengambil alih penerbitan kitab ini, penal penterjemah yang dilantik ialah Prof. Madya Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Dr. Huda Mohsin, Ustaz Mohd. Napiah Abdullah, Ustaz Ismail Muhammad, Ustaz Mohd. Zohir Othman dan Ustaz Mohd. Jamli Awang Lirai. Mereka ialah pensyarah Fakulti

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1990b) 2: xiii.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992) 3: xii.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996c) 4: xii - xxiv.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996d) 5: xiii - xxiii.

Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Panel ini masih terus menyiapkan jilid-jilid yang selanjutnya.

*Terjemahan Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* merupakan terjemahan dan huraian sebuah kitab hadith karya Imām al-Nawawī Rahimahullāh (m. 676H)<sup>1</sup> yang berjudul *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (asal) merupakan sebuah kitab hadith yang memuatkan hadith-hadith berkenaan akhlak dan tasawuf. Ia mengandungi 1876 buah hadith dan dibahagikan kepada 372 bab. Cetusan idea untuk menerbitkan kitab *Terjemahan Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* ini adalah atas kesedaran bahawa bahan bacaan dalam bidang pengajian hadith yang mudah difahami umum sangat kurang lebih-lebih lagi dalam bahasa Malaysia.<sup>2</sup> Kitab ini diterbitkan dalam lapan jilid, iaitu jilid pertama diterbitkan pada tahun 1986, jilid kedua pada tahun 1987, jilid ketiga pada tahun 1990, jilid keempat pada tahun 1995 (terlewat diterbitkan atas sebab-sebab kelewatan percetakan), jilid kelima pada tahun 1994 dan jilid-jilid keenam, ketujuh dan kelapan diterbitkan pada tahun 1997.

---

<sup>1</sup>Nama sebenarnya ialah Yahyā bin Sharaf bin Mira atau Mura bin Hasan bin Ḥusain bin Hizam bin Muhammad bin Jum'ah. Gelarannya (laqabnya) ialah Muhyī al-Dīn dan kunyaunya ialah Abū Zakariyā. Panggilan masyhurnya ialah al-Nawawī dinisbahkan kepada Nawā', nama sebuah kampung yang terletak di daerah Hauran, berhampiran kota Damsyik, Syria, kampung kelahiran beliau. Al-Imām al-Nawawī adalah seorang tokoh ahli hadith dan fekah yang masyhur dalam mazhab al-Syāfi'i dan terkenal pada abad ketujuh hingga sekarang. Beliau dilahirkan pada tahun 631H. Beliau telah berjaya menghafaz al-Qur'an dan mempelajari asas permulaan ilmu-ilmu Islam dengan berkat bimbingan gurunya yang bernama al-Shaykh Yāsīn bin Yūsuf al-Zarkashī dan perhatian yang serius oleh bapanya. Beliau telah dibawa oleh bapanya ke kota Damsyik dan ditempatkan di pusat pengajian al-Rāwīhiyyah ketika usianya meningkat sembilan tahun. Di pusat pengajian itulah beliau telah menghafaz kitab *al-Tanbīh* dalam masa empat bulan setengah dan seperempat kitab *al-Muhadhdhab*. Kedua-dua kitab ini adalah karangan al-Shirāzī mengenai Ilmu Fekah. Al-Imām al-Nawawī adalah seorang yang sangat teliti dalam menggunakan masanya. Beliau telah menumpukan usaha-usaha pembelajaran pada siang hari dan amal ibadat dan penulisan pada malam hari. Diriwayatkan bahawa tempoh masa beliau menimba ilmu pengetahuan di Damsyik daripada guru-gurunya ialah selama enam tahun, kemudian barulah beliau memulakan penulisannya. Beliau banyak mengarang dan menyusun kitab-kitab untuk bacaan dan rujukan umat Islam. Antara hasil karangan beliau yang masyhur ialah kitab hadith *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Beliau telah menghembuskan nafasnya yang akhir pada malam Rabu, 24 Rejab 676H dalam usia 45 tahun. Lihat Hassan Haji Ahmad (1990): 2.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1986d) 1: v.

taubat yang dituntut oleh Islam kepada setiap orang yang melakukan dosa lebih-lebih lagi dosa-dosa besar. Dalam jilid ini juga disentuh mengenai galakan agar umat Islam berusaha bersungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu perkara, bersegera melakukan kebaikan dan galakan memelihara sunnah Rasulullah (s.a.w.) dalam kehidupan.<sup>1</sup> Antara persoalan lain ialah mengenai sifat tolong menolong dalam melakukan kebaikan, gesaan menjauhi kemungkaran, gesaan supaya bersifat amanah, larangan melakukan kezaliman terhadap manusia dan makhluk-makhluk lain, penerangan tentang kelebihan golongan orang susah dan galakan memberikan pertolongan kepada mereka, tuntutan supaya berlaku baik dan mengambil berat terhadap golongan wanita, permasalahan jiran, kewajipan anak kepada kedua ibu bapa,<sup>2</sup> kelebihan orang yang cinta kepada Allah, galakan bertawakal kepada Allah, penerangan tentang sifat zuhud terhadap dunia, merasa cukup dengan apa yang dikurniakan oleh Allah, sifat syukur, galakan memakan usaha yang dilakukan sendiri, kelebihan sifat pemurah, galakan membelanjakan harta kepada perkara-perkara yang diredai Allah dan Rasul-Nya<sup>3</sup> dan lain-lain lagi.

Itulah antara contoh kandungan perkara-perkara bersangkutan akhlak dan tasawuf yang terdapat dalam siri *Terjemahan Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* ini. Jelasnya kitab ini cukup baik untuk bacaan umat Islam kerana himpunan hadith dalam kitab ini sangat berfaedah kepada masyarakat Islam khususnya di negara ini dalam semua aspek ilmu tasawuf dan akhlak. Sebagai bacaan dakwah kitab ini tentu dapat memberi kesan bagi melatih jiwa para pembaca untuk melakukan kebaikan dalam semua keadaan dan tempat yang akhirnya dapat mendidik mereka menjadi muslim yang bertakwa.

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1986d) 1: xi.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987f) 2: v - vi.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1990a) 3: xi.

Sebuah lagi kitab hadith yang diterbitkan oleh JAKIM ialah kitab *Bulūgh al-Marām*. Kitab ini ialah terjemahan dan huraian daripada kitab *Bulūgh al-Marām min Adillat al-Ahkām* karangan al-Hāfiẓ Ibn Hajar al-`Asqalānī.<sup>1</sup> Kitab terjemahan ini merupakan sebuah kitab hadith hukum yang memuatkan hadith-hadith berkaitan sesuatu hukum berserta terjemahan, huraian dan kesimpulan mengenainya. Kitab ini diusahakan oleh pegawai-pegawai di Bahagian Penyelidikan JAKIM dengan membuat terjemahan, huraian dan kesimpulan berdasarkan kitab asalnya dan juga kepada kitab *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*.<sup>2</sup> Ia diterbitkan dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi, yang merupakan salah satu matlamat JAKIM untuk menambah keperluan masyarakat dalam memahami dan mendalami hukum Islam melalui ilmu hadith.<sup>3</sup> Sehingga kini kitab ini telah diterbitkan sebanyak dua jilid. Jilid pertamanya diterbitkan pada tahun 1993 dengan ketebalan 102 halaman. Ia memaparkan hadith-hadith berkaitan bersuci yang dibahagikan kepada beberapa bab iaitu bab-bab air, bijana, menghilangkan najis dan keterangannya, wuduk, menyapu ke atas dua *khuf*, perkara yang membatalkan wuduk, adab membuang air kecil, mandi dan hukum berjunub, tayammum dan haid.<sup>4</sup> Jilid kedua kitab ini pula diterbitkan dalam tahun 1996. Ia mengandungi hadith-hadith yang berkaitan dengan sembahyang. Pecahan bab-babnya ialah mengenai waktu-waktu

<sup>1</sup>Ibn Hajar al-`Asqalānī ialah seorang pendokong dan pengembang al-Sunnah Rasulullah (s.a.w.). Beliau pernah memegang jawatan kadi dan masyur dengan gelaran al-Hāfiẓ kerana ia mendalami bidang hadith serta menghafaz dan mengamalkan lebih daripada 100,000 buah hadith dengan matan dan sanadnya sekali. Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin 'Alī bin Muḥammad Abū al-Fadl al-Kinānī al-Syāfi'ī. Beliau dilahirkan di Mesir pada bulan Syaaban 773 H dan telah menghasilkan lebih 150 buah kitab yang bermutu terutamanya dalam bidang Ilmu Hadith. Lihat Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993b) 1: vi.

<sup>2</sup>Kitab ini merupakan huraian kepada kitab *Bulūgh al-Marām*. Ia ditulis oleh Muḥammad bin Ismā'īl al-San'ānī yang dilahirkan pada tahun 1059 H di Kahlān. Beliau dikenali dengan nama al-Sayyid Muḥammad bin Ismā'īl bin Ṣalāḥ. Bapanya adalah seorang gabenor di Kahlān kemudian menjadi gabenor di San'ā'. Nama beliau termasyur di Yaman, Mekah dan Madinah kerana telah menghasilkan kitab-kitab agama. Beliau meninggal dunia pada 3 Syaaban tahun 1182 H. Lihat Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993b) 1: ix - x.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993b) 1: v.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993b) 1: xxvi.

sembahyang, tanda-tanda sekatan tempat sembahyang, menggalakkan khusyuk dalam sembahyang, masjid, sifat-sifat sembahyang, sujud *sahwī*, sujud *tilāwah*, sujud syukur, sembahyang sunat, sembahyang Jumaat, menjadi imam, sembahyang musafir, sembahyang orang sakit, sembahyang *khauf* (takut), sembahyang dua hari raya, sembahyang gerhana, sembahyang meminta hujan, dan pakaian. Jilid kedua kitab ini diterbitkan setebal 280 halaman.<sup>1</sup>

Keistimewaan *Kitab Bulūgh al-Marām* ini berbanding kitab-kitab hadith lain ialah pada bahagian awal setiap jilidnya mengandungi keterangan mengenai sejarah hidup pengarang kitab *Bulūgh al-Marām*, iaitu al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar. Selain itu dimuatkan juga sejarah hidup pengarang kitab *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*, iaitu Muḥammad bin Ismāīl al-Ṣan`āni. Apa yang lebih bermanfaat daripada kitab ini ialah ia memuatkan istilah-istilah hadith dan keterangannya seperti "*al-sahābat*", "*al-tābi`*", perkara-perkara berkaitan hadith seperti "*al-matan*", "*al-sanad*", "*al-isnād*", pembahagian-pembahagian hadith seperti "*al-mutawātir*", "*al-ahād*", "*hadīth saḥīḥ*" dan lain-lain. Selain itu kitab ini juga memaparkan pengenalan ringkas tentang perawi-perawi hadith yang terdapat dalam kitab ini. Perkara-perkara ini memberi maklumat yang berguna dan memudahkan pembelajaran dalam bidang pengajian hadith. Selain empat buah kitab hadith yang diuraikan di atas, buku-buku lain dalam bidang ini ialah menyentuh persoalan umum berkaitan pengajian hadith. Buku-buku dan kitab-kitab ini turut memain peranan dalam dakwah khususnya untuk umat Islam di negara ini.

Selain kitab-kitab tafsir dan hadith, buku-buku yang diterbitkan oleh JAKIM ialah buku-buku mengenai Islam yang membicarakan pelbagai aspek

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996b)2: xxix.

kehidupan manusia secara am. Ia meliputi bidang-bidang akidah, syariah dan undang-undang, tasawuf dan akhlak, pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi, politik, falak dan astronomi, pengurusan, sejarah, kejuruteraan, kesihatan, sains dan biografi. Daripada bidang-bidang tersebut, bidang-bidang akidah, syariah dan akhlak atau tasawuf adalah antara bidang yang banyak diberikan tumpuan, kerana bidang-bidang ini merupakan bidang-bidang asasi dalam ilmu-ilmu Islam. Dari segi kandungannya, buku-buku umum ini memberikan huraian dan penjelasan yang luas dalam sesuatu tajuk yang diperkatakan. Sebagai contoh di sini dikemukakan pengenalan ringkas beberapa judul buku umum yang telah diterbitkan.

Buku *Tawassul Dan Tabarruk Mengikut Perspektif Islam* tulisan Zakaria @ Mahmud Daud, Universiti Malaya, merupakan pemaparan tentang "tawassul" dan "tabarruk", iaitu dua perkara yang banyak dilakukan oleh orang-orang Islam sama ada di Malaysia atau di tempat-tempat lain. Apa yang menjadi masalah, amalan *tawassul* dan *tabarruk* ini kadang-kadang menyimpang daripada batas-batas yang dibenarkan oleh Islam sehingga boleh menjelaskan akidah mereka. Buku ini juga menjelaskan tentang jenis-jenis *tawassul*, *tawassul* yang dibenarkan dan *tawassul* yang tidak dibenarkan. Terdapat juga penjelasan mengenai *tabarruk*, *tabarruk* yang dibolehkan dan *tabarruk* yang ditegah. Setiap masalah yang dihuraikan, dibawa hujah dan dalil-dalil daripada ayat-ayat al-Qur'an, hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.) dan pendapat-pendapat ulama.<sup>1</sup>

Buku *Panduan Haji* pula mendedah, memperjelas dan membentuk kefahaman pembaca terhadap ibadat haji secara berkesan. Ia bukan sahaja memuatkan rukun dan syarat serta sah dan batal secara terperinci tentang rukun

---

<sup>1</sup>Zakaria @ Mahmud Daud (1995): iii - v.

Islam kelima ini, malah menyentuh juga aspek-aspek falsafah dan manifestasi ibadat haji dalam kehidupan sehari-hari. Pendekatan ilmiah tetapi mudah yang digunakan dalam penyampaian buku ini dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada para pembaca, lebih-lebih lagi kepada mereka yang akan menunaikan fardu haji.<sup>1</sup>

Buku *Nilai-Nilai Islam: Satu Pengenalan* ialah sebuah buku terjemahan daripada buku bahasa Arab yang ditulis oleh Dr. Jābir Qamīḥah. Penterjemahnya ialah Dr. Mudasir Rosder dan Dr. Mohd. Zawawi Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ini dimulai dengan perbincangan tentang akhlak sebelum kedatangan Islam. Kemudian ia menghuraikan nilai-nilai Islam secara terperinci dengan memberikan keutamaan kepada aspek beransur-ansur dalam melaksanakan tanggungjawab, kesederhanaan yang seimbang dan pengenalan undang-undang Islam serta hubungannya dengan akhlak. Seterusnya buku ini membicarakan betapa pentingnya umat Islam mencontohi sifat-sifat dan pendekatan Rasulullah (s.a.w.) dalam mendidik para sahabatnya hingga mereka menjadi manusia yang diredai Allah.<sup>2</sup>

Buku *Perkembangan Tasawuf Islam* juga ialah sebuah buku terjemahan yang membicarakan persoalan tasawuf. Karya asalnya ialah sebuah buku bahasa Arab yang dikarang oleh Dr. Abū al-Wafā' al-Ghanimī al-Taftazānī. Terjemahan buku ini telah dibuat oleh Prof. Dato' Dr. Abd. Shukor Husin dan Dr. Mudasir Rosder, dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahagian awalnya diperjelaskan tentang dua aliran dalam tasawuf iaitu tasawuf sunni dan tasawuf falsafi. Aliran

---

<sup>1</sup>Suhaimee Yassin (1995): v - xv.

<sup>2</sup>Jābir Qamīḥah (1995): ix - xi.

pertama pegangan mereka merujuk kepada al-Qur'an dan sunnah, manakala aliran kedua mengandungi teori *ittiḥād* (kesatuan antara Tuhan dengan manusia) dan *hulūl* (penyerapan zat Tuhan ke dalam diri manusia). Ketika menghuraikan perkembangan kedua-dua aliran tasawuf ini, penulis menyertakan nas-nas yang berkaitan. Buku ini berfaedah kepada para pengkaji dan peminat tasawuf untuk mengetahui lebih dalam tentang aliran dan pemikiran tasawuf dari sudut sejarah dan perkembangannya.<sup>1</sup>

Buku *Mengapa Kalimah Allah?* pula adalah sebuah buku yang mengandungi sepuluh buah rencana ilmiah. Rencana-rencana tersebut merupakan hasil penulisan yang memenangi Peraduan Menulis Artikel Ilmiah Berunsur Islam Kali Pertama yang dianjurkan oleh JAKIM pada tahun 1987. Rencana-rencana tersebut meliputi pelbagai topik dan bidang yang menonjolkan idea berdasarkan kebenaran al-Qur'an dan sunnah Rasulullah (s.a.w.) dan berdasarkan kesepaduan ilmu seperti yang difahami daripada konsep kesepaduan ilmu dalam Islam.<sup>2</sup> Dari sudut pendekatannya, rencana-rencana tersebut digabung dalam struktur yang sistematis, aliran fikiran yang lancar dan tidak melompat-lompat, gaya bahasa yang menarik dan petikan ayat al-Qur'an, hadith dan faktor-faktor yang tepat yang ditunjukkan dengan jelas.<sup>3</sup>

Demikian antara beberapa pengenalan ringkas buku-buku umum yang diterbitkan oleh JAKIM. Buku-buku umum ini menjadi terbitan kedua pentingnya dalam penerbitan buku JAKIM selepas kitab-kitab tafsir dan hadith seperti yang telah dihuraikan.

---

<sup>1</sup> Al-Taftazānī (1995): v.

<sup>2</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1995c): 4.

<sup>3</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987g): 5 - 6.

Ketika meneliti buku-buku dakwah terbitan JAKIM, satu perkara menarik ialah tentang penghasilan buku-buku dalam bidang kesusasteraan. JAKIM telah menerbitkan sejumlah 42 judul buku dalam bidang ini yang meliputi buku cerita kanak-kanak, antologi cerpen dan novel remaja. Penglibatan ini menunjukkan JAKIM menggunakan pelbagai pendekatan dalam merealisasikan usaha tersebut dengan harapan mesej dakwah yang ingin disampaikan dapat disebarluaskan secara lebih meluas. Sehubungan penghasilan karya-karya kesusasteraan bertujuan dakwah ini, Dr. Ismail Hamid mengungkapkan bahawa karya-karya tersebut ditulis oleh para pengkarya dengan tujuan untuk menjadi media menyampaikan pengajaran Islam dan unsur-unsur pemikiran Islam kepada pembacanya.<sup>1</sup>

Penglibatan JAKIM dalam penerbitan buku cerita kanak-kanak didorong oleh rasa tanggungjawab untuk menanamkan nilai-nilai murni dalam jiwa kanak-kanak. Ini adalah kerana didapati buku-buku bacaan untuk kanak-kanak khususnya dalam bidang pendidikan dan penerapan nilai-nilai keislaman selain buku-buku teks sekolah di negara ini masih berkurangan.<sup>2</sup> Sehingga tahun 1997, JAKIM telah menerbitkan 26 judul buku cerita kanak-kanak. Buku-buku tersebut adalah buku tentang sejarah Islam dan cereka yang penuh dengan unsur-unsur nasihat dan teladan. Sebagai bacaan untuk kanak-kanak, metode yang digunakan dalam penyampaian mesejnya ialah melalui penceritaan. Ia dihiasi dengan ilustrasi bagi menarik minat kanak-kanak untuk melihat dan membacanya.

Terdapat dua bentuk penerbitan buku kanak-kanak ini, iaitu terbitan bersiri dan terbitan tidak bersiri. Sehingga kini JAKIM menerbitkan tiga siri buku kanak-

---

<sup>1</sup>Ismail Hamid (1983): 2.

<sup>2</sup>Rusmiati bt. Harun (1997).

kanak. Siri pertama ialah Siri Cerita Kanak-Kanak Untuk Kanak-Kanak 5 hingga 8 Tahun. Terdapat 5 judul buku dalam siri ini iaitu *Nakal* oleh Noriah Mohd. Sharif; *Bercuti Di Kampung* oleh Aminah Hasran; *Jumali Penjual Tempeh* oleh Lily Haslina Nasir; *Dunia Sekolah Laila* oleh Lily Haslina Nasir dan *Anakku Sayang* oleh Hj. Mohd. Shahir Abdullah. Siri kedua ialah Siri Kisah Teladan Salafussoleh. Siri ini merupakan kisah benar pada masa dahulu yang mempunyai pengajaran dan pendidikan untuk dijadikan teladan oleh kanak-kanak. Ia diolah dengan bahasa yang mudah dan dihias pula dengan lukisan yang menarik, sesuai untuk bacaan kanak-kanak yang mencintai akhlak mulia. Buku-buku dalam siri ini ialah *Said Bin Harith Bertemu Bidadari*; *Pemuda Dengan Kubah Ajaib*, *Si Penghantar Yang Jujur*, *Doa Si Ibu Miskin*, *Misteri Budak Salih*, *Pemuda Salih Dengan Raja Zalim* dan *Pemuda Majusi Memeluk Islam* kesemuanya ditulis oleh Na`eme Haji Hassan.

Satu lagi siri buku cerita kanak-kanak ialah Siri Alamku. Dalam siri ini terdapat empat judul buku iaitu *Keluargaku Sayang*, *Keluarga Seharian*, *Rumahku Duniaku* dan *Masyarakat Di Sekitar*. Siri Alamku ini berkisar di sekitar persoalan pembinaan asas sesebuah keluarga hinggalah kepada masyarakat sekitar. Ia dimulakan dengan kisah *Keluargaku Sayang* yang memaparkan pemupukan kasih sayang yang semestinya diikat kepada ibu dan ayah serta seisi keluarga. Pemerhatian anak selanjutnya meningkat kepada gerak laku dan adab dalam kegiatan keluarga. Bimbingan terbaik disertai dengan keterangan dan penjelasan tepat sangat diperlukan ketika mendidik anak-anak. Hal ini terdapat dalam buku kedua siri ini iaitu *Keluarga Seharian*. Siri Alamku ini kemudiannya menjangkau kepada tahap yang lebih luas melalui suasana *Rumahku Duniaku*. Ia menyentuh perkembangan di sekitar luaran rumah dengan aktiviti yang bermanfaat. Dengan itu kanak-kanak akan didekahkan kepada peningkatan perkembangan daya berfikir dan

persepsi yang dikaitkan kepada masyarakat sekitar melalui kisah masyarakat yang terdapat dalam buku keempat iaitu *Masyarakat Di Sekitar*. Keempat-empat buku ini ditulis oleh Musa Abdullah dan telah diterbitkan pada tahun 1991.

Selain siri-siri ini, penerbitan buku cerita kanak-kanak yang lain diterbitkan tanpa nama siri tertentu, iaitu berjumlah 11 judul. Judul-judulnya ialah *Anak Salih Dengan Lembu* oleh Na`eme Haji Hassan, *Atika Yang Berhati Mulia* oleh Lily Haslina Nasir, *Berkorban Kerana Allah* oleh Na`eme Haji Hassan, *Ganjaran Takut Kepada Allah* oleh Na`eme Haji Hassan, *Musafir Tua* oleh Azidin Mahmud, *Nabi Musa Dengan Firaun* oleh Mohamad Salahudin, *Pemimpin Muda Ke Jalan Syurga* oleh Baharudin Haji Zakaria, *Perjalanan Hidup* oleh Maryani Md. Idris, *Pusara Berangkai* oleh Hashim Abdullah dan *Si Alang Budiman* oleh Abu Hasan Morad.

Perolehan manuskrip buku cerita kanak-kanak ini adalah melalui dua cara, iaitu didapatkan melalui peraduan penulisan yang dianjurkan oleh JAKIM dan juga pengiriman karya daripada penulis. Penganjuran peraduan penulisan buku cerita kanak-kanak JAKIM telah diadakan pada tahun 1989, iaitu Peraduan Menulis Bahan Bacaan Bergambar Berunsur Islam Untuk Kanak-Kanak. Peraduan ini bertujuan untuk menghasilkan karya berunsur Islam yang bermutu dan berautoriti untuk bacaan kanak-kanak di samping mengembangkan bakat penulis tanah air.<sup>1</sup> Selain perolehan daripada peraduan penulisan, JAKIM turut menerima manuskrip karya untuk kanak-kanak ini daripada penulis luar. Buku-buku cerita kanak-kanak ini merupakan penampilan bahan bacaan yang menjadi penyaluran dakwah.

---

<sup>1</sup> Fail JPM(U)/10/C/4.

Penerapan nilai-nilai Islam melalui bidang penulisan seperti ini menjadi salah satu cara untuk mengekalkan keutuhan ajaran Islam serta ketamadunannya.<sup>1</sup>

Cerpen adalah satu lagi bidang kesusasteraan yang diceburi oleh JAKIM untuk menyalurkan seruan Islam. Sehingga kini JAKIM telah menerbitkan sembilan buah antologi cerpen yang semuanya merupakan koleksi atau himpunan cerpen yang memenangi Peraduan Cerpen Berunsur Islam yang diperkenalkan oleh JAKIM sejak tahun 1974. Judul-judul antologi tersebut ialah *Tantangan, Tuhan Bagaimana Akan Ku Cari-Mu, Mati, Runtunan, Sebuah Lampu Antik, Pulangnya Pemuja Ombak, Persinggahan, Dari Dalam Diri dan Menanti Subuh.*

Antologi *Dari Dalam Diri* misalnya yang diterbitkan dalam tahun 1995 setebal 157 halaman memuatkan 10 buah cerpen yang memenangi peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Kelapan yang telah diadakan pada tahun 1994. Daripada 10 buah cerpen tersebut, tiga buah daripadanya ialah yang memenangi hadiah utama dan tujuh buah yang memenangi hadiah saguhati. Judul-judul cerpen itu ialah "Dari Dalam Diri" oleh Umamah al-Edrus, "Assalamualaikum" oleh Hizairi Othman, "Perjalanan Yang Jauh" oleh Zaharah Nawawi, "Nur Shuhadah" oleh Zubaidah Ajmain, "Nur Islam" oleh Imelda Husin, "Hati Seorang Ibu" oleh Habibah Rahmat, "Jeneral Yang Tewas" oleh Hasan Baseri Budiman, "Kahwin Kawah" oleh Aziz Jahpin, "Cahaya Kasih" oleh Hasidah Disan dan "Mumtahinah Di Persimpangan" oleh Umamah al-Edrus.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1989b): 3.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1995a): ix.

Antologi cerpen terbaru diterbitkan ialah *Menanti Subuh* yang diterbitkan dalam tahun 1997. Antologi ini memuatkan sepuluh buah cerpen terbaik dalam Peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Kesembilan yang diadakan pada tahun 1995. Cerpen-cerpen itu ialah tiga buah yang memenangi hadiah utama dan tujuh buah yang memenangi hadiah saguhati yang diadili oleh sekumpulan panel hakim daripada 196 buah cerpen yang menyertai peraduan tersebut. Judul-judul cerpen itu ialah "Menanti Subuh" oleh Faizal Tehrani, "Air Mata Lelaki" oleh Zaharah Nawawi, "Ayah" oleh Hasan Baseri Budiman, "Al-Kahf" oleh Mawar Shafei, "Hidayat" oleh Kamaruzzaman Othman, "Misteri Alam Arham" oleh Sairah Antin, "Mohd. Takeuchi" oleh Azizi Abdullah, "Persimpangan" oleh Abdul Halim Abu Bakar, "Sejenak Di Zeus" oleh Hizairi Othman dan "Kemelut Jumaat" oleh Shahwan Mansor.<sup>1</sup>

Untuk melihat pendekatan dakwah yang digunakan dalam karya-karya cerpen berunsur Islam ini, cara yang boleh dilakukan ialah dengan meneliti paparan keseluruhan cerpen tersebut. Sebagai contoh cerpen "Menanti Subuh" yang memenangi hadiah pertama Peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Kesembilan itu mengisahkan tentang Kamaliah, iaitu seorang ibu yang tertekan dan sabar kerana menghadapi kematian suami dalam kemalangan dan kehilangan pekerjaan, lebih-lebih lagi apabila anak perempuan kesayangannya - Qistina - mengidap penyakit AIDS yang membawa maut akibat dari pemindahan darah. Kamaliah hampir termakan pujukan syaitan untuk menamatkan riwayat hidup anak kesayangannya itu dengan suntikan maut, tetapi dia berjaya melawan godaan tersebut. Walau bagaimana pun rasa berdosa kerana pernah berniat jahat itu tetap terus menghantui fikirannya. Sebagai usaha melepaskan perasaan ini, dia pergi mengerjakan umrah

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1997a): v - vi.

setelah mendapat nasihat daripada teman akrab dan restu dari mentuanya. Di hadapan Kaabah, Kamaliah kembali menemui dirinya sendiri dengan memohon keampunan, ketenangan dan kesabaran daripada Allah ketika menanti kedatangan subuh di Masjid al-Haram.

Kekuatan cerpen ini paling utama terletak pada kejayaan penulisnya menggambarkan konflik jiwa ibu tadi dalam menghadapi dugaan daripada Allah. Gambarannya adalah wajar, hidup dan meyakinkan. Ini dilukiskan melalui teknik arus kesedaran yang agak menyeluruh dan mengesankan. Di sini digambarkan secara berselang-seli antara peristiwa lepas dengan peristiwa kini dengan cara yang menarik dan penuh gaya ketegangan. Lebih-lebih lagi apabila ada usaha penulis untuk membuat rujukan dalam menghidupkan gambaran sesetengah peristiwa, seperti dalam peristiwa proses rawatan yang memerlukan pengetahuan dan pengistilahan dari segi perubatan. Dalam cara beginilah penulis berhasil memberikan suatu pengolahan cerita yang kemas, padat dan berkesatuan. Setiap unsur adalah berperanan dan berfungsi. Ini diperkuatkan pula dengan pemakaian gaya bahasa yang lancar dan segar, gaya pembentukan bahasanya terpelihara daripada melakukan kesalahan atau melanggar tatabahasa. Dengan corak pengolahan yang demikian maka cerpen ini berjaya pula mengungkapkan temanya yang amat bermakna, iaitu menguasai kesabaran dan ketenangan adalah amat penting dalam menghadapi ujian Allah. Malah pemilihan judul cerita itu sendiri iaitu "Menanti Subuh" menjadi amat tepat dan penuh erti dengan unsur-unsur kesabaran, ketenangan, kesukaran dan pengharapan.

Dari segi mutu, antologi-antologi cerpen yang diterbitkan oleh JAKIM ini mempunyai nilai yang tinggi kerana cerpen-cerpen yang dimuatkan di dalamnya

adalah cerpen-cerpen yang memenangi peraduan. Cerpen-cerpen yang memenangi peraduan tersebut telah dinilai oleh sekumpulan panel hakim yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut. Misalnya bagi Peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Kesembilan, panel hakim terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Hashim Awang selaku ketua panel, manakala ahli-ahlinya ialah Prof. Madya Dr. Ramli Isin, Prof. Madya Dr. Shafei Abu Bakar, Prof. Madya Amida @ Hamidah Abd. Hamid dan Encik Anwar Ridhwan. Nama-nama ini tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan Melayu di tanah air khususnya dalam bidang cerpen. Pengadilan dan pemilihan cerpen-cerpen yang terbaik adalah berasaskan kepada beberapa ukurtara, iaitu tema yang jelas mengungkap persoalan kebaikan dan kemurnian Islam, nilai estetik atau keindahan yang terdapat pada setiap unsur dalam pengolahan karya, teknik penggubahan karya yang mengutamakan kepadatan dan keberkesanan, gaya bahasa yang baik, indah, asli dan segar, perlukisan watak yang hidup dan wajar dengan berlandaskan realiti kehidupan, dan gabungan kepelbagaiannya unsur kreatif yang lain seperti humor, futuristik, imaginasi dan penyelidikan.

Untuk melihat kualiti cerpen-cerpen ini juga, dapat dilihat kepada laporan penilaian panel hakim. Contohnya dalam Peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Kesembilan, panel hakim melaporkan bahawa dalam cerpen-cerpen yang menyertai peraduan tersebut, padanya terserlah keupayaan penulis memilih kepelbagaiannya persoalan Islam yang penting dan besar sebagai dasar cerita. Ini kerana adanya usaha mereka membuat penyelidikan, memanfaatkan pengalaman, membentuk konsep dan istilah dan memilih teknik penulisan yang sesuai. Kemantapan dan kematangan dalam penulisan baik pada aspek pemilihan tema mahu pun teknik pengolahan terlihat jelas. Ini menggambarkan bahawa penglibatan penulis bukan

sahaja terdiri daripada golongan mereka yang baru dan berbakat tetapi juga yang sudah lama dan berpengalaman.<sup>1</sup>

Daripada penjelasan di atas didapati antologi cerpen yang diterbitkan oleh JAKIM merupakan penghasilan karya kesusasteraan bermatlamatkan dakwah dan mempunyai kualiti yang tinggi.

Dalam bidang novel remaja pula, tujuh buah judul telah diterbitkan. Enam daripadanya ialah novel-novel yang memenangi Sayembara Novel Remaja Berunsur Islam yang diadakan pada tahun 1992 dan sebuah lagi ialah novel terjemahan. Penerbitan novel-novel remaja berunsur Islam ini merupakan satu usaha JAKIM dalam mempelbagaikan saluran penerbitan media cetaknya yang bermatlamat dakwah.<sup>2</sup> Melaluinya nilai-nilai murni Islam dapat diterapkan ke dalam jiwa para remaja secara halus. Ia juga memberi peluang kepada penulis tanah air meluahkan buah fikiran yang baik bagi kemajuan dan perkembangan Islam, sekurang-kurangnya dapat membantu dan mencari jalan ke arah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini terutamanya masalah kerosakan akhlak muda-mudi. Ini adalah kerana penulisan adalah satu cara yang berkesan untuk menyebarkan dakwah dan menerangkan kehendak-kehendak Islam yang syumul supaya diikuti dan diamalkan oleh umatnya demi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.<sup>3</sup>

Penerbitan novel remaja hasil Sayembara Novel Remaja Berunsur Islam ialah daripada tiga buah manuskrip yang memenangi hadiah utama dan tiga buah

---

<sup>1</sup>Fail JPM(U)/10/4/1.

<sup>2</sup>Fail JPM(U)/10/C/6.

<sup>3</sup>Abdul Hamid Othman (1993).

lagi yang memenangi hadiah sagu hati. Judul-judul yang memenangi hadiah utama ialah *Suriati* oleh Azizi Haji Abdullah, *Di Bawah Unggulnya* oleh Azmah Nordin dan *Sinar Di Sebalik Kabus* oleh Abdul Rahman Harun. Judul-judul lain ialah *Mencari Arah* oleh Umamah Syed Abdullah, *Mei Hua* oleh Mohd. Nasaruddin Mohd. Dasuki dan *Nurani Di Sudut Kehijauan Matanya* oleh H.M. Tuah Iskandar yang memenangi hadiah galakan. Novel-novel tersebut adalah saringan terbaik daripada 34 buah manuskrip yang menyertai sayembara tersebut. Ia dipilih dan diadili oleh lima orang ahli panel yang berkelayakan dalam bidang ini, iaitu Prof. Dato' Haji Hashim Awang (Universiti Malaya) selaku pengurus panel, Hajjah Amida @ Hamidah Abd. Hamid (Universiti Malaya), Dr. Othman Puteh (Universiti Kebangsaan Malaysia), Puan Khadijah Hashim (penulis dan karyawan) dan Encik Abd. Rahman Rukaini (Dewan Bahasa dan Pustaka).

Penilaian terhadap manuskrip-manuskrip yang menyertai sayembara ini adalah berdasarkan beberapa ukurtara, iaitu ketepatan ciri-ciri sebuah novel remaja yang berunsur Islam, pendedahan persoalan Islam yang mantap, yang dihubungkan dengan kehidupan remaja dan penerapan visi Islam dalam perspektif yang luas, serta turut mempersoalkan isu-isu semasa yang sama sekali tidak bersifat sensitif kepada mana-mana pihak dan pemakaian teknik pengolahan cerita yang indah dan segar yang memperlihat ada usaha-usaha pengarang untuk melakukan penerokaan dan pembaharuan, terutamanya dalam aspek-aspek penggunaan bahasa, pembinaan plot dan perlukisan watak.

Dari segi kualiti novel-novel ini, panel Sayembara Novel Berunsur Islam tersebut telah melaporkan bahawa secara keseluruhan manuskrip yang memasuki peraduan ini boleh dikatakan telah berjaya menggarap sebahagian daripada

permasalahan Islam, terutamanya permasalahan semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam zaman kini. Sebagai contoh novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah, pemenang pertama Sayembara Novel Remaja Berunsur Islam 1992 menceritakan Suriati dan Anuar yang ditugaskan oleh guru mereka untuk bersama-sama berkongsi menyiapkan sebuah novel. Cerita yang diangkat daripada catatan ibu Suriati yang menghilangkan diri dan tulisan ayah Anuar yang kebetulan menjadi seorang pengarang, akhirnya dapat membongkarkan rahsia peribadi kedua ibu bapa mereka. Dalam penceritaan itu terungkap permasalahan hubungan suami isteri dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak. Permasalahan Islam mendasari cerita sepenuhnya sehingga ia menjadi terpapar jelas.<sup>1</sup>

Daripada huraian di atas, dapatlah dikatakan bahawa buku-buku jualan yang diterbitkan oleh JAKIM ini merupakan sumbangan yang dominan sebagai saluran dakwah. Penampilan 138 judul buku melalui 17 bidang yang telah dihasilkan adalah sebahagian daripada usaha-usaha penyampaian ajaran Islam melalui media cetak yang mempunyai nilainya tersendiri.

#### (b) **Buku Percuma**

Dalam pelaksanaan fungsi dakwah menerusi penerbitan buku, JAKIM juga telah menerbitkan buku-buku yang diedar secara percuma kepada khalayak. Jika dibandingkan dengan buku-buku jualan, jumlah buku-buku percuma ini adalah kecil dan meliputi bidang-bidang tertentu sahaja. Bidang-bidang yang diliputi oleh penerbitan buku-buku percuma ini ialah akidah, dakwah, khutbah Jumaat,

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993d): 4 - 5.

akhlak-nilai/etika, soal jawab agama dan politik. Prestasi penerbitannya mengikut tahun adalah seperti dalam jadual berikut :

Jadual 2.4

Prestasi Penerbitan Buku Percuma JAKIM Mengikut Bidang  
Dari 1968 Hingga 1997 Mengikut Bidang

Bil.	Bidang	1968-79	1980-89	1990-97	Jumlah	%
1.	Akidah	1	2	1	4	9.8
2.	Dakwah	1	10	6	17	41.5
3.	Khutbah Jumaat	3	9	2	14	34.1
4.	Akhhlak/Nilai/Etika	-	-	2	2	4.9
6.	Soal Jawab Agama	-	-	3	3	7.3
9.	Politik	-	1	-	1	2.4
Jumlah		5	22	14	41	100.0

Daripada jadual di atas, didapati JAKIM telah menerbitkan 41 judul buku percuma, iaitu kira-kira 23 peratus daripada keseluruhan buku yang diterbitkan. Dari segi konsep dan matlamat, buku-buku percuma yang diterbitkan oleh JAKIM tidak berbeza dengan penerbitan buku-buku jualan. Ia adalah buku-buku mengenai Islam dan bermatlamatkan dakwah. Pada umumnya yang menjadi kelainan antara kedua-dua kategori buku ini ialah dari segi persempahan isinya. Buku-buku percuma adalah agak ringkas dan separa ilmiah, berbanding buku-buku jualan yang lebih terperinci dan ilmiah persempbahannya. Ketebalan buku-buku percuma adalah antara 50 hingga 150 halaman sahaja.

Terdapat dua jenis buku percuma yang diterbitkan oleh JAKIM, iaitu bersiri dan tidak bersiri. Dalam kategori buku percuma bersiri, siri-siri yang telah diterbitkan ialah koleksi khutbah Jumaat, koleksi rencana dakwah dan soal jawab agama. Penerbitan siri buku percuma ini mempunyai tujuan-tujuan khusus. Umpamanya koleksi khutbah Jumaat diterbitkan bertujuan untuk membentuk satu penyelarasan dalam penyampaian khutbah di negara ini dengan satu corak persamaan dalam penyampaian khutbah dan kandungannya. Di samping itu ia juga dapat memberi peluang kepada sesebuah negeri membaca khutbah-khutbah yang disediakan oleh negeri lain mengikut tajuk dan masa yang sesuai.<sup>1</sup> Usaha ini merupakan pelaksanaan salah satu peranan JAKIM iaitu menyelaraskan teks khutbah seluruh negeri dan dalam masa yang sama mahu menjadikannya sebagai penyalur dan penyebar maklumat dan isu-isu semasa kepada masyarakat Islam.<sup>2</sup>

Terdapat tiga siri buku himpunan khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh JAKIM, iaitu Penyelarasan Khutbah Jumaat MKI, Siri Khutbah Jumaat dan Khutbah Jumaat Masjid Negara. Contoh tajuk-tajuk khutbah yang mengisi siri khutbah Jumaat ini ialah "Menyambut Awal Hijrah", "Nahas Mengikut Pandangan Islam", "Kewajipan Masyarakat Terhadap Anak-Anak Yatim",<sup>3</sup> "Pencegahan Penyeludupan", "AIDS Mengancam Keselamatan Dan Kesejahteraan Kaum", "Kepentingan Kesihatan Menurut Islam",<sup>4</sup> "Muslim Sejati", "Keburukan Dengki Dan Benci Membenci",<sup>5</sup> "Kelebihan Bulan Syaaban", "Peranan Zakat Dalam Membentuk Masyarakat Islam",<sup>6</sup> "Ikhlas Beramat Dan Bekerja", "Cinta Mukmin

---

<sup>1</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1981): v.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1995b): i.

<sup>3</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1981): iii - iv.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1995b): i.

<sup>5</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1986a) 1: ix.

<sup>6</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1986b) 2: ix.

Kepada Agamanya",<sup>1</sup> "Kebersihan Dalam Islam", "Takwa Serta Banyak Beramal Tanda Lebaran Yang Sebenarnya",<sup>2</sup> "Rejab Bulan Dugaan Iman", "Ibu Bapa Pendidik Yang Utama",<sup>3</sup> "Tanggungjawab Seorang Islam", "Kesan Ibadat Puasa",<sup>4</sup> "Sebab-Sebab Doa Tidak Dikabulkan Allah", dan "Kepentingan Akhlak Islam".<sup>5</sup>

Siri koleksi rencana dakwah INDAH ialah sebuah lagi terbitan buku percuma yang diterbitkan oleh JAKIM. Ia merupakan himpunan rencana dakwah hasil penulisan pegawai-pegawai cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) yang kini dikenali sebagai Bahagian Dakwah. Penerbitan siri ini merupakan sebahagian daripada usaha dakwah yang penting dalam konteks penyebaran Islam melalui penulisan dan juga sebagai menampung kekurangan bahan bacaan Islam yang diperlukan di negara ini. Penerbitan siri ini juga merupakan satu cara untuk menyebarkan nilai-nilai ajaran Islam kepada masyarakat<sup>6</sup> serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran Islam kepada semua pihak.<sup>7</sup> Antara judul-judul yang dimuatkan dalam siri ini ialah "Analisa Kalimah Tauhid", "Konsep Tamadun Islam", "Peranan Individu Muslim Terhadap Diri dan Masyarakat", "Penyelewengan Akidah", "Kepimpinan Menurut Pandangan Islam",<sup>8</sup> "Akhlak dan Ketatanegaraan Dalam Islam", "Hubungan Antara Adat Dengan Ibadat", "Metodologi Dakwah", "Jihad dan Syahid", "Persefahaman dan Semangat Kerjasama Dalam Organisasi",<sup>9</sup> "Ciri-ciri Muslim Sejati", "Analisa

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987a) 3: ix.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987b) 4: ix.

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987c) 5: ix.

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987d) 6: ix.

<sup>5</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1988) 7: ix.

<sup>6</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1983): v.

<sup>7</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1985) 1: iv.

<sup>8</sup>Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (1985) 1: iii.

<sup>9</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1986c) 4: iii.

"Rukun Iman", "Peranan Akidah Dalam Pembentukan Peribadi", "Al-Qur'an Sebagai Sumber Tamadun Islam", "Pengaruh Syirik Dalam Masyarakat"<sup>1</sup> dan lain-lain.

Sebuah lagi siri buku percuma dakwah ialah Siri Soal Jawab Agama. Siri ini merupakan himpunan soal jawab yang dikendalikan oleh Unit Khidmat Nasihat JAKIM. Soalan-soalan yang dikumpulkan adalah daripada pertanyaan orang ramai sama ada melalui telefon atau surat, manakala jawapan-jawapannya disediakan oleh pegawai-pegawai di unit tersebut. Soal jawab tersebut adalah berkaitan hukum hakam yang meliputi perkara-perkara kebersihan, ibadat, muamalah, munakahat dan sebagainya. Matlamat buku ini diterbitkan ialah untuk memberi panduan kepada masyarakat terhadap sesuatu masalah yang timbul. Oleh kerana ruangan buku ini agak terhad, maka jawapan-jawapan terhadap persoalan yang ditimbulkan hanyalah merupakan jawapan-jawapan asas sahaja. Penjelasan lanjut memerlukan rujukan kepada kitab-kitab.<sup>2</sup>

Selain terbitan bersiri, terdapat juga buku-buku percuma yang diterbitkan secara tidak bersiri yang bertujuan untuk menerangkan kepada khalayak tentang sesuatu masalah yang timbul dalam masyarakat. Contohnya buku *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam* diterbitkan bagi menjelaskan penyelewengan-penyelewengan yang terdapat dalam kepercayaan kumpulan al-Arqam. Buku *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah* juga diterbitkan untuk memberi penjelasan kepada khalayak terhadap bahaya pengaruh Syiah di negara ini yang mana isu ini menjadi hangat pada sekitar tahun 1996.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwai Islam, Jabatan Perdana Menteri (1987e) 5: iii.

<sup>2</sup>Bahagian Hal Ehwai Islam, Jabatan Perdana Menteri (1993a): v.

<sup>3</sup>Untuk melihat keseluruhan judul buku percuma JAKIM, sila lihat Lampiran 13.

Daripada penjelasan dan huraian di atas, didapati penerbitan buku merupakan satu usaha utama dan penting dalam aktiviti penerbitan media cetak JAKIM. Sejumlah 138 judul buku jualan dan 41 judul buku percuma yang telah dihasilkan memperlihat peranan yang telah dilaksanakan oleh JAKIM dalam bidang berkenaan untuk faedah khalayak khususnya umat Islam di negara ini.

### **2.3.2. Penerbitan Jurnal**

Terdapat tiga judul jurnal diterbitkan oleh JAKIM, iaitu *Jurnal Penyelidikan Islam*, *Jurnal Hukum* dan *Jurnal Darul Quran*.

#### **(a) *Jurnal Penyelidikan Islam***

*Jurnal Penyelidikan Islam* ialah sebuah jurnal yang memuatkan rencana hasil penyelidikan yang dilakukan oleh JAKIM. Ia mula diterbitkan pada tahun 1978 dan menjadi jurnal pertama diterbitkan oleh JAKIM. Pada awalnya *Jurnal Penyelidikan Islam* diberi nama *Jurnal MASA*. Pemberian nama ini adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-`Asr (ertinya masa) yang dijadikan motto jurnal ini. Moto ini dipilih dengan matlamat dan harapan bahawa daripada jurnal ini umat Islam akan menjadi orang yang beruntung dan tergolong dalam kumpulan orang-orang yang beriman, beramal salih, berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.<sup>1</sup>

Judul MASA telah diguna-pakai dalam penerbitan jurnal ini daripada penerbitan sulungnya sehingga ke bilangan yang kelima. Mulai keluaran

---

<sup>1</sup>Pengarang *Jurnal MASA* (1978) 1: 4.

bilangan keenam pada tahun 1986 dan seterusnya, jurnal ini telah ditukar nama kepada *Jurnal Penyelidikan Islam* yang sekaligus melupuskan catatan motto pada jurnal tersebut. Perubahan nama ini dibuat dengan tujuan supaya orang ramai lebih maklum terhadap hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan oleh JAKIM.<sup>1</sup> Matlamat ini mempunyai hubungkait dengan tanggungjawab Bahagian Penyelidikan JAKIM yang mempunyai tugas membuat penyelidikan mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di negara ini secara keseluruhannya yang semuanya wajib diatasi dan diberitahu kepada masyarakat. Menurut Dato' Dr. Abd. Hamid Othman, sesebuah institusi atau organisasi yang menjalankan aktiviti penyelidikan seharusnya mempunyai tradisi menerbitkan hasil-hasil kajiannya, kerana ia bukan sahaja dapat dibaca dan dimanfaatkan oleh masyarakat, tetapi dapat meningkatkan lagi kualiti mutunya. Ini kerana dengan pendedahan sesuatu hasil kajian, sesebuah institusi itu akan dapat dinilai sejauh mana mutu kajian itu dihasilkan berbanding kajian-kajian yang dijalankan oleh institusi lain, apa lagi jika hasil kajian itu mendapat reaksi dan teguran daripada pihak-pihak tertentu.<sup>2</sup>

Melihat kepada peranan *Jurnal Penyelidikan Islam* ini dalam konteks dakwah, pamaparan hasil-hasil kajian yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan begitu bermakna untuk dijadikan panduan harian, menyelesaikan masalah yang wujud, memberi kesedaran atau membetulkan sikap dan kefahaman. Dalam bidang akidah misalnya, beberapa penyelewengan kepercayaan daripada kefahaman Islam oleh sesuatu ajaran sesat diselidiki dan disahkan menyeleweng dari ajaran Islam. Kajian terhadap ajaran-ajaran tersebut sebagiannya telah disiarkan dalam jurnal ini, antaranya Tarikat Mufarridiah disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 1,

---

<sup>1</sup>Abdul Hamid bin Othman (1986) 6: v.

<sup>2</sup>Abdul Hamid bin Othman (1984) 5: ii.

Ajaran Bahai disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 2, Ajaran Qadiani disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 2, Ajaran Crypto disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 4, Ajaran Muhammad Ya disiarkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* Bilangan 9 dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan masalah-masalah lain yang wujud dalam masyarakat seperti isu alkohol yang terdapat dalam minyak-minyak wangi yang disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 5, undang-undang hudud dan gerakan Kristian disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 1, amalan gadai dalam Islam, kedudukan anak yatim dan kesalahan zina dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 2, dakyah orientalis, kedudukan harta wakaf dan kemudahan tempat ibadat di kilang-kilang disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 3, Jemaah Tabligh disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 4, penyalahgunaan dadah dan masalah tarian disiarkan dalam *Jurnal MASA* Bilangan 5, konsep Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan buku-buku kumpulan anti hadith disiarkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* Bilangan 6, sistem pentadbiran cukai dan ilmu tasawuf disiarkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* Bilangan 7, garis panduan makanan, minuman dan barang gunaan orang Islam dan laporan buku-buku yang mempunyai fakta penyelewengan Islam disiarkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* Bilangan 8, kaedah penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia dan pengharaman aktiviti kumpulan al-Arqam disiarkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* Bilangan 9 dan lain-lain lagi. Ringkasnya, *Jurnal Penyelidikan Islam* ini berperanan penting menyampaikan maklumat hasil penyelidikan mengenai Islam kepada masyarakat yang menyangkut perkara-perkara kehidupan seharian.

(b) *Jurnal Hukum*

*Jurnal Hukum* ialah jurnal kedua diterbitkan oleh JAKIM selepas *Jurnal Penyelidikan Islam*. Ia pertama kali diterbitkan ialah pada November 1980 bersamaan Muharam 1401. Ia diterbitkan secara berjilid, dan setiap jilid mengandungi dua bahagian. Sehingga tahun 1997, jurnal ini telah diterbitkan sebanyak 11 jilid. Bagi sesuatu keluaran, ia dicetak sebanyak 2,000 naskhah.

*Jurnal Hukum* diterbitkan dengan tujuan untuk memberi huraian dan kefahaman yang jelas kepada umat Islam di negara ini mengenai hukum-hukum dan perundangan Islam.<sup>1</sup> Bagi mencapai matlamat ini, kandungan yang dimuatkan dalam jurnal ini ialah berkaitan catatan kes-kes Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak dan Undang-Undang Keluarga Islam yang telah diputuskan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia dari semasa ke semasa di samping makalah-makalah tentang perundangan Islam dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Catatan kes-kes mahkamah yang disiarkan ialah butir-butir mengenai perbicaraan dan keputusan-keputusan berserta ulasan yang mendalam. Huraianya dibuat dengan terperinci berdasarkan hujah dari segi nas al-Qur'an dan hadith, undang-undang serta pendapat-pendapat ulama dan rujukan kitab-kitab muktabar. Pemaparan rencana dalam jurnal ini pula dibuat secara ilmiah dengan kupasan-kupasan yang bersandarkan kepada rujukan serta hujah-hujah yang bernes dan muktabar. Kebanyakan penulisan rencana yang disiarkan dalam jurnal ini ditulis oleh tokoh-tokoh yang berkecimpung khusus dalam bidang ini yang terdiri daripada golongan pensyarah, pegawai dan pengamal undang-undang Islam seperti Profesor

---

<sup>1</sup>Mohamed bin Nasir (1980) 1: 1.

Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim, Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Dr. Othman Ishak, Dr. Abdullah Abu Bakar, Dr. Siti Zalikhah Mohamed Nor dan lain-lain. Dari sudut kuantiti rencana dan kes mahkamah yang disiarkan dalam jurnal ini, sehingga kini *Jurnal Hukum* telah mengemukakan 51 buah rencana dan 296 kes.

Ringkasnya *Jurnal Hukum* ini adalah terbitan ilmiah dan sangat berguna kepada golongan pelajar, pegawai dan pengamal undang-undang Islam, dan juga orang ramai yang meminati bidang ini. Walaupun kandungannya ilmiah, jurnal ini mempunyai satu ciri kelainan berbanding jurnal yang lain, iaitu gaya bahasanya adalah sederhana, tidak terlalu tinggi dan mudah difahami oleh pembaca umum. Dengan itu jurnal ini bukan sahaja sesuai dibaca oleh golongan pelajar, pegawai atau pengamal undang-undang, tetapi juga sesuai menjadi bahan bacaan untuk orang awam.

#### (c) *Jurnal Darul Quran*

*Jurnal Darul Quran* merupakan jurnal baru diterbitkan berbanding dua buah jurnal yang lalu. Ia mula diterbitkan pada Rabiulawal 1416 bersamaan Ogos 1995 dan dirancang sebagai terbitan tahunan. Mengikut perancangannya ia diterbitkan setiap tahun sempena Majlis Konvokesyen Darul Quran JAKIM.<sup>1</sup> Penerbitannya mempunyai objektif untuk memperkayakan bahan bacaan dalam bidang pengajian tafsīz al-Qur'an, mendedahkan disiplin-disiplin ilmu al-Qur'an yang belum tersebar dan berkembang kepada peminat-peminat ilmu al-Qur'an dan menyemarakkan budaya penyelidikan dan penulisan di kalangan ilmuan al-Qur'an masa kini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Wan Mohammad bin Haji Abdul Aziz. (1995) 1: ix.

<sup>2</sup> *Ibid.*

Penggunaan nama jurnal ini sebagai *Jurnal Darul Quran* ialah kerana mengambil sempena nama "Darul Quran" iaitu nama baru bagi Institut Pengajian Tahfiz al-Qur'an yang diguna-pakai mulai tahun 1997. Perubahan nama organisasi ini turut mengubah nama judul jurnal ini yang sebelum tahun 1997 diguna dengan nama *Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Qur'an*. Walaupun nama jurnal ini berubah, namun konsep dan matlamatnya masih tetap tidak berubah seperti asalnya.

Penerbitan *Jurnal Darul Quran* ini adalah penerokaan ulung JAKIM dalam penerbitan jurnal di bidang pengajian al-Qur'an dan tafsir di negara ini. Walaupun pusat pengajian tafsir al-Qur'an telah diasaskan sejak tahun 1966 di Masjid Negara, dan selanjutnya wujud pula pusat-pusat pengajian tafsir di setiap negeri, tetapi belum ada satu penerbitan akademik dalam bidang ini diterbitkan oleh institusi-institusi tersebut. Oleh itu JAKIM boleh dianggap sebagai peneroka penerbitan jurnal dalam bidang ini.<sup>1</sup> Berdasarkan bahawa konsep jurnal sebagai sebuah penerbitan akademik dan matlamatnya seperti yang telah ditetapkan, maka *Jurnal Darul Quran* ini membuka ruang kandungannya memaparkan rencana-rencana akademik yang berkait dengan bidang pengajian al-Qur'an. Ia memberi faedah yang besar kepada peminat dan pengkaji bidang pengajian al-Qur'an dan tafsir khususnya bagi para pelajar yang berkecimpung dalam bidang ini di Darul Quran JAKIM, pusat-pusat pengajian tafsir al-Qur'an negeri dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain.

Sehingga kini, jurnal ini telah diterbitkan sebanyak tiga keluaran iaitu bilangan pertama pada Rabiulawal 1416 H/Ogos 1995, bilangan kedua pada Muharam 1417 H/Jun 1996 dan bilangan ketiga pada Muharam 1418 H/Jun 1997.

---

<sup>1</sup> Abdul Hamid bin Othman (1995) 1: vii.

Dalam tiga buah siri yang diterbitkan, jurnal ini telah menghasilkan 24 buah rencana yang terdiri daripada rencana-rencana dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Jumlah rencana dan pembahagiannya mengikut siri dan bahasa dapat dilihat dalam jadual berikut :

Jadual 2.5

Jumlah Rencana Dalam *Jurnal Darul Quran (JDQ)* Mengikut Bahasa

Bil.	Siri Jurnal	B.Melayu	B.Inggeris	B.Arab	Jumlah
1.	<i>JDQ</i> Bil 1	5	1	3	9
2.	<i>JDQ</i> Bil. 2	3	1	4	8
3.	<i>JDQ</i> Bil. 3	5	1	1	7
JUMLAH		13	3	8	24

Daripada huraihan di atas, didapati antara wahana yang digunakan oleh JAKIM bagi menyalurkan maklumat mengenai Islam khususnya yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan dalam bentuk yang ilmiah ialah melalui jurnal. Kajian-kajian tersebut diolah semula dan dibentangkan melalui pendekatan ilmiah tetapi menggunakan gaya bahasa yang mudah dan dapat difahami oleh semua peringkat pembaca. Oleh itu jurnal didapati menjadi salah satu jenis media cetak yang digunakan oleh JAKIM dalam skopnya tersendiri untuk menyampaikan dakwah kepada khalayak.

### **2.3.3. Penerbitan Majalah**

JAKIM menerbitkan empat judul majalah iaitu *Sinaran Islam*, *Ruhaniyyat*, *Cahaya* dan *Pendidik*. Majalah-majalah ini mempunyai identitinya tersendiri serta matlamat dan sasaran tertentu.

#### **(a) Majalah *Sinaran Islam***

*Sinaran Islam* ialah majalah sulung keluaran JAKIM, iaitu mula diterbitkan pada bulan Jun 1982 bersamaan Syaaban 1402. Permulaannya majalah ini diterbitkan dalam bentuk tabloid, mengandungi lebih kurang dua puluh muka surat dengan kulitnya dua warna dan teksnya hitam putih. Bersama-samanya disisipkan sebuah buletin yang mengandungi beberapa halaman yang diberi judul "Berita Pusat Islam". Pada tahun 1984, majalah ini diterbitkan dalam wajah baru dengan empat warna bagi kulit depan dan belakang, dan muka tengah diperuntukkan bagi ruangan berita-berita mengenai aktiviti JAKIM. Dengan adanya berita aktiviti JAKIM di muka tengah majalah ini, maka buletin sisipannya "Berita Pusat Islam" diberhentikan. Kemudian mulai tahun 1992, ruangan berita mengenai aktiviti JAKIM telah dikeluarkan berikutan terbitnya sebuah buletin khusus iaitu *Uswah* yang memaparkan maklumat-maklumat tersebut. Bentuk baru ini berkekalan hingga sekarang dengan dibuat beberapa perubahan kecil dari segi teknik rekabentuk dengan tujuan mempertingkat kualiti persesembahannya.

Majalah ini ialah sebuah majalah umum untuk golongan dewasa. Objektif penerbitannya ialah untuk menyebarkan ilmu-ilmu Islam kepada orang ramai dan menjelaskan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Islam. Dengan itu motto yang

digunakan untuk majalah ini ialah "Ke Arah Melahirkan Masyarakat Berilmu, Beriman dan Beramal". Kandungannya memaparkan rencana-rencana mengenai Islam dan kupasan-kupasan isu semasa, khutbah Jumaat, sejarah Islam, cerpen dan sajak. Sejak awal penerbitannya, majalah ini diterbitkan enam kali setahun, tetapi mulai tahun 1996, ia diterbitkan empat kali setahun. Majalah ini diterbitkan dalam ukuran 8" x 10" dan mengandungi 40 halaman dan diedarkan secara percuma. Ia dicetak sebanyak 20,000 naskhah setiap keluaran.<sup>1</sup>

(b) **Majalah *Ruhaniyyat***

Pada awal tahun 1980-an, minat masyarakat Islam di negara ini terhadap ilmu tarikat dan tasawuf atau berhubung dengan amalan kerohanian amat menggalakkan. Menyedari hal ini, JAKIM membuat keputusan menerbitkan sebuah lagi majalah yang membicarakan khusus tentang persoalan ini. Majalah tersebut diberi nama *Ruhaniyyat*.

Majalah *Ruhaniyyat* mula diterbitkan pada bulan Mac 1989 bersamaan Syaaban 1409. Penerbitannya mempunyai matlamat untuk menjelaskan kedudukan ilmu tasawuf sebagai ilmu yang sangat penting dalam Islam di samping mahu menghapuskan penyelewengan-penyelewengan yang dimasukkan dalam amalan-amalan tersebut. Oleh itu motto yang digunakan bagi majalah ini ialah "Pembentuk Jiwa Murni". Seperti majalah *Sinaran Islam* juga, majalah *Ruhaniyyat* ini berkulit empat warna depan dan belakang. Teksnya pula dua warna. Tebalnya juga ialah 40 halaman dan saiznya ialah 8" x 10 1/2". Pada awalnya majalah ini diterbitkan dalam tulisan Rumi dan Jawi, tetapi mulai tahun 1996, ia diterbitkan sepenuhnya

---

<sup>1</sup>Kamarulsaman bin Yaacob (1997).

dalam tulisan Jawi. Dari aspek isinya, majalah ini menitik-beratkan persoalan akidah, tasawuf, falsafah, akhlak, tarikat dan lain-lain yang sesuai dengan tujuan pemurnian akidah. Oleh itu ruangan yang disediakan bagi mencapai matlamat tersebut ialah rencana-rencana yang memapar dan mengupas persoalan-persoalan tersebut yang ditulis oleh tokoh-tokoh yang mahir dalam bidang berkenaan. Di samping pengisian rencana, terdapat juga ruangan lain seperti nasihat dan teladan dan sajak bagi mempelbagaikan isinya. Sasaran pembaca majalah ini ialah golongan dewasa, pelajar institusi pengajian tinggi, pengamal dan peminat ilmu tasawuf dan tarikat. Bagi mencapai sasaran tersebut, majalah ini diterbitkan empat kali setahun dan dicetak 10,000 naskhah bagi setiap keluaran.<sup>1</sup>

(c) **Majalah *Cahaya***

Majalah *Cahaya* mula diterbitkan pada bulan Ogos 1989. Pada awalnya majalah ini berkonsepkan sebuah "digest" yang memuatkan rencana-rencana mengenai Islam semasa dan aktiviti-aktiviti dakwah di peringkat nasional dan negeri. Matlamatnya ialah untuk memperkuuh dan mempertahanan akidah umat Islam di negara ini, menjadikan agama Islam sebagai penggerak kemajuan dan mewujudkan satu media yang berkesan dalam menyebarkan dakwah dan pelaksanaan Islam di negara ini. Berdasarkan matlamat tersebut, maka kandungan majalah ini ialah rencana-rencana yang merangkumi semua aspek keperluan masyarakat Islam iaitu akidah, syariah, akhlak, psikologi, sosiologi, ekonomi, sains dan lain-lain yang dilihat dari kaca mata Islam.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Fail JPM(U)/MKI/33/88.

Dalam merealisasikan penerbitannya, majalah ini didapati tidak berupaya mengikut hasrat sebenar seperti yang dikehendaki dalam cadangan asalnya disebabkan kekurangan-kekurangan tertentu terutamanya dari segi peruntukan tenaga manusia yang mengendalikannya. Keadaan ini menyebabkan persebahannya hampir menyamai majalah *Sinaran Islam*. Kajian semula telah dibuat terhadap majalah ini supaya ia lebih dimanfaatkan dan tidak bertindih dengan majalah *Sinaran Islam* yang sedia ada. Akhirnya pada tahun 1996, konsep majalah ini diubah menjadi sebuah majalah remaja. Dengan itu mulai tahun 1996, majalah *Cahaya* ini diterbitkan dengan wajah baru atas konsep baru dengan kandungan yang dirangka sesuai untuk golongan remaja.

Berasaskan konsep sebuah majalah remaja, objektif majalah *Cahaya* telah disusun semula, iaitu untuk memperkuuh dan mempertahan akidah remaja, mewujudkan suatu media yang berkesan dalam menyebarkan dakwah kepada remaja, dan membina nilai-nilai murni dalam akhlak dan minda remaja. Motto yang diletakkan dalam penerbitan majalah ini ialah "Pembimbing Remaja Cemerlang." Bagi mencapai matlamat dan untuk merealisasikan motto tersebut, kandungan majalah ini dirangka khusus sesuai dengan keperluan para remaja, iaitu aspek-aspek ibadat, motivasi, sejarah, pendidikan, berita, akhlak dan lain-lain yang dilihat dari kaca mata Islam. Pada masa ini tajuk-tajuk ruangan yang disediakan ialah pelajar cemerlang, kerjaya, minda, aktiviti, kesihatan, kisah dari al-Qur'an, komik, puisi, cerpen dan surat dari pembaca. Kumpulan sasar majalah ini ialah golongan remaja, termasuk pelajar sekolah menengah. Bagi mencapai sasaran ini, majalah ini diterbitkan empat kali setahun dengan jumlah naskhah yang dicetak ialah sebanyak 10,000 setiap keluaran. Dari segi saiz dan rekabentuk, majalah ini berukuran 8" x

10 1/2" dengan kulit hadapan dan belakang mempunyai empat warna dan isinya dua warna. Majalah ini diterbitkan dengan ketebalan 40 halaman.<sup>1</sup>

(d) **Majalah *Pendidik***

Majalah *Pendidik* ialah sebuah majalah kanak-kanak. Ia mula diterbitkan pada bulan Oktober 1989. Objektif majalah ini ialah untuk memberi kefahaman tentang pentingnya pendidikan Islam; membimbing masyarakat Islam khususnya kanak-kanak dan awal remaja; dan mendidik anak-anak tentang ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Bagi mencapai matlamat ini, majalah *Pendidik* menyediakan ruangan-ruangan tertentu, antaranya ialah kisah nabi, berita sekolah, penjagaan kesihatan, sudut pengetahuan, kisah dan teladan, tokoh murid, karya adik-adik, khazanah bahasa al-Qur'an, pedoman dan cerpen. Dari segi bentuknya, majalah ini berukuran 8" x 10 1/2" dan diterbitkan setebal 40 halaman. Sejak penerbitan sulungnya pada tahun 1989 hingga tahun 1995, majalah ini diterbitkan enam kali setahun. Mulai tahun 1996, ia diterbitkan empat kali setahun. Ia diedarkan secara percuma dan dicetak sebanyak 10,000 naskhah bagi setiap keluaran. Sasaran pembacanya ialah kanak-kanak yang berumur antara tujuh dan dua belas tahun.<sup>2</sup>

Daripada penjelasan di atas, didapati JAKIM turut menceburi bidang penerbitan majalah sebagai satu aktiviti dakwah melalui media cetak. Sasaran yang ingin dicapai oleh media ini ialah merangkumi golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa iaitu melalui terbitnya majalah-majalah yang sesuai bagi setiap golongan tersebut.

---

<sup>1</sup>Kamariah binti Abdullah (1997).

<sup>2</sup>Norkhalidah binti Abdul Rashid (1997).

#### **2.3.4. Penerbitan Buletin**

JAKIM menerbitkan dua judul buletin, iaitu buletin *Uswah* dan buletin *Takmir*. Buletin-buletin ini juga mempunyai tujuan, konsep dan sasaran tertentu.

##### **(a) Buletin *Uswah***

Buletin *Uswah* mula diterbitkan pada bulan Mac 1992. Ia mengandungi berita mengenai aktiviti-aktiviti semasa JAKIM berserta gambar-gambar di samping beberapa buah rencana berkaitan pengurusan yang dilihat dari kaca mata Islam. Matlamat utama penerbitan buletin ini ialah untuk menghebahkan kegiatan yang dijalankan oleh JAKIM kepada orang ramai. Buletin ini diedarkan untuk kakitangan JAKIM, jabatan-jabatan kerajaan dan perpustakaan-perpustakaan di negara ini. Ia diterbitkan empat kali setahun dengan jumlah cetakan sebanyak 5,000 setiap keluaran.<sup>1</sup>

##### **(b) Buletin *Takmir***

Sebuah lagi buletin yang diterbitkan oleh JAKIM ialah *Takmir*. Buletin ini mula diterbitkan pada Mei 1992 bersamaan Zulkaedah 1412. Penerbitan buletin ini mempunyai objektif untuk menyalurkan maklumat mengenai isu-isu dan perkembangan Islam semasa, memaparkan kegiatan-kegiatan Program Takmir Masjid dan Surau sama ada yang dijalankan oleh JAKIM atau pun jabatan agama

---

<sup>1</sup>Zaini Naura Aza binti Mohd. Zain (1997).

Islam negeri. Buletin ini dihadirkan kepada khalayak secara percuma khususnya kepada para guru Takmir Masjid dan Surau di negara ini.<sup>1</sup>

Mengikut perancangannya, buletin ini diterbitkan sebanyak enam keluaran setahun, iaitu satu keluaran bagi setiap dua bulan. Ia diterbitkan dalam empat warna dengan ketebalannya 12 halaman. Ia mengandungi beberapa ruangan tetap iaitu pada muka hadapannya disajikan berita dan ulasan tentang ucapan pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin negara berhubung sesuatu isu semasa yang ada kaitannya dengan Islam. Biasanya ucapan-ucapan yang dipetik dan diulas itu ialah ucapan-ucapan dalam majlis-majlis berkennaan Islam seperti Sambutan Ma`al Hijrah, Maulidur Rasul, seminar-seminar dan sebagainya. Selain itu buletin ini juga memuatkan rencana, ulasan ayat al-Qur'an dan hadith, aktiviti dan laporan kegiatan Program Takmir Masjid dan Surau peringkat kebangsaan dan negeri, fokus isu semasa dan biografi tokoh guru takmir. Jelasnya kandungan utama buletin ini ialah mengutarakan penulisan rencana, berita dan sebagainya yang berkaitan pengimaranan masjid dan surau sebagai saluran ilmu dan maklumat untuk para pembaca khususnya guru-guru Takmir Masjid dan Surau bagi meningkatkan lagi kualiti tugas dan peranan mereka terhadap masyarakat.

Buletin ini diterbitkan sebanyak 5,000 naskhah setiap keluaran. Sasaran utamanya ialah guru-guru Takmir Masjid dan Surau yang diedarkan melalui pegawai-pegawai Penyelaras Takmir Masjid dan Surau yang berada di setiap negeri. Selain itu buletin ini juga diedarkan kepada pengarah-pengarah jabatan agama Islam negeri, peserta kursus yang dianjurkan oleh JAKIM dan lain-lain.

---

<sup>1</sup>Zaitun binti Abdul Rahman (1997).

Ringkasnya penerbitan buletin oleh JAKIM ini merupakan salah satu saluran media cetak yang berfungsi dalam menyampaikan maklumat mengenai kegiatan Islam khususnya yang dilakukan oleh JAKIM dan jabatan-jabatan agama Islam negeri. Aktiviti ini juga adalah satu daripada usaha dakwah yang dilakukan oleh JAKIM kepada masyarakat khususnya umat Islam di negara ini.

### **2.3.5. Penerbitan Risalah**

Risalah dalam konteks media cetak JAKIM ialah terbitan yang mempunyai 49 halaman dan kurang, bersaiz kecil daripada saiz buku biasa, berjilid dan tidak berjilid, termasuk buku kecil dan pamphlet. Pada umumnya risalah JAKIM terbahagi kepada dua jenis, iaitu risalah dakwah, dan risalah mengenai organisasi, buku-buku cenderamata, buku-buku aturcara sesuatu majlis sambutan perayaan dan seumpamanya.<sup>1</sup> Dalam kajian ini, risalah yang dibincangkan ialah risalah dakwah sahaja.

Risalah dakwah JAKIM mempunyai kepelbagaiannya judul, siri dan bentuk. Ia dapat dikelaskan kepada dua, iaitu risalah bersiri dan risalah tidak bersiri. Siri-siri risalah yang diterbitkan setakat ini ialah al-Syariah, al-Yakin, al-Risalah, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI), dan Islam Itu Mudah. Penerbitan risalah mengikut siri mempunyai tujuan untuk mengkelaskan sesuatu bidang dan membezakan konsepnya.

---

<sup>1</sup>Muhammad Yamin bin Ismail (1997).

Siri al-Syariah memaparkan penjelasan sekitar persoalan syariah dan perundangan Islam. Melalui siri ini lapan judul risalah telah diterbitkan, iaitu atas judul-judul "Antara Konsep Syariat dan Undang-Undang", "Hukum Hudud Dalam Perundangan", "Hukuman Sebat", "Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam Di Malaysia", "Islam Dalam Perlembagaan", "Pelaksanaan Hukum Syarak Dari Sudut Undang-Undang" dan "Poligami" (dua keluaran). Siri al-Yakin ialah risalah yang memaparkan penjelasan mengenai sesuatu perkara prinsip dalam Islam secara terperinci seperti penerangan mengenai rukun Islam, rukun iman, panduan-panduan ibadat dan seumpamanya. Satu lagi siri yang hampir menyerupai konsep penerbitan al-Yakin ialah al-Risalah. Al-Risalah merupakan saluran untuk memaparkan penghuraian sesuatu topik mengenai Islam secara lebih analitikal dan berbentuk penghujahan.

Siri DPNI pula diterbitkan bagi memenuhi tuntutan untuk memberi penjelasan kepada umum tentang Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dianjurkan oleh kerajaan pada tahun 1983. Perkara-perkara yang dipaparkan dalam siri ini ialah konsep nilai-nilai Islam, rancangan yang diatur oleh kerajaan dalam dasar tersebut serta penjelasan nilai-nilai murni yang boleh diterapkan dalam bidang-bidang tertentu seperti pentadbiran, pertanian, kesihatan, kebajikan masyarakat dan lain-lain. Setakat ini JAKIM telah menerbitkan enam judul risalah dalam siri ini. Siri Islam Itu Mudah pula ialah risalah yang memberi penerangan secara ringkas dan mudah terhadap sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian seperti soal makan minum, pertahanan, sembahyang dan seumpamanya. Melalui siri ini sebanyak 11 judul risalah telah dikeluarkan.

Risalah tidak bersiri pula dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu buku kecil dan pamflet. Dari segi konsep, penerbitan risalah tidak bersiri yang dikelaskan sebagai buku kecil ini mempunyai persamaan dengan risalah bersiri. Cuma kelainan risalah tidak bersiri ini ialah dari segi tiadanya nama siri tertentu pada terbitan ini dan bidangnya pula adalah pelbagai, tidak menjurus kepada sesuatu bidang tertentu seperti yang terdapat pada risalah bersiri.

Matlamat penerbitan risalah tidak bersiri ini juga adalah untuk dakwah, iaitu menerangkan kepada orang ramai tentang sesuatu topik mengenai Islam supaya diketahui dan mengajak mereka memahami, menghayati atau mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Seperti buku kecil, pamflet juga bermatlamatkan dakwah. Disebabkan saiz yang berbeza dan konsep yang berbeza, maka pamflet hanya memaparkan penerangan yang ringkas terhadap sesuatu topik yang dipaparkan. Pamflet-pamflet yang diterbitkan oleh JAKIM adalah dalam bentuk empat warna, kebanyakannya mempunyai gambar hiasan dan mempunyai rekabentuk yang menarik. Semua risalah terbitan JAKIM diedarkan secara percuma kepada khalayak.

Dari sudut spesifikasi *out put*, risalah yang dihasilkan oleh JAKIM setakat ini ialah 318 judul.<sup>1</sup> Pembahagiannya mengikut siri dan jenis adalah seperti dalam jadual 2.6.

---

<sup>1</sup>Jumlah ini diperolehi setelah penulis merujuk kepada pelbagai sumber iaitu daripada fail, laporan tahunan, buku taklimat, koleksi peribadi dan koleksi yang disimpan di JAKIM khususnya di Bahagian Penerbitan. Penulis percaya jumlah sebenar adalah lebih daripada itu kerana pada pemerhatian penulis, sistem dokumentasi yang diamalkan oleh JAKIM adalah terlalu longgar. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian ialah kerana perpindahan pejabat, pertukaran pegawai, tidak mengambil berat untuk menyimpan dan kurang kemahiran dalam aspek pengumpulan dan penyimpanan bahan. Untuk melihat senarai judul risalah tersebut, sila lihat Lampiran 14.

Jadual 2.6

Penerbitan Risalah JAKIM Dari Tahun 1968 Hingga 1997 Mengikut Siri Dan Jenis

Bil.	Siri Risalah	1968-79	1980-89	1990-97	Jumlah	%
1.	Al-Syariah	8	0	0	8	2.5
2.	Al-Yakin	49	21	7	77	24.2
3.	Al-Risalah	17	71	5	93	29.2
4.	DPNI	0	6	0	6	1.9
5.	Islam Itu Mudah	0	11	0	11	3.5
6.	Buku Kecil	9	26	52	87	27.4
7.	Pamflet	0	6	30	36	11.3
JUMLAH		83	141	94	318	100.0

Daripada penjelasan di atas, dapat dilihat bahawa penerbitan risalah JAKIM menunjukkan beberapa petunjuk. Petunjuk pertama ialah penerbitan risalah JAKIM mempunyai kepelbagaiannya jenis dan bentuk, iaitu ada yang bersiri dan ada yang tidak bersiri, ada yang berjilid dan ada yang tidak berjilid. Petunjuk kedua ialah dari aspek prestasi penerbitannya. Didapati penerbitan risalah dakwah oleh JAKIM ini agak aktif kerana setiap tahun terdapat risalah-risalah yang diterbitkan dengan purata 10.6 judul setahun. Antara tahun-tahun 1968 hingga 1979 sebanyak 83 judul risalah diterbitkan. Dalam tempoh ini kecenderungan penerbitan risalah JAKIM lebih tertumpu kepada siri al-Yakin berbanding siri lain, iaitu 49 judul,

kira-kira 59.0 peratus daripada keseluruhan penerbitan risalah dalam tempoh tahun-tahun tersebut. Ini diikuti oleh siri al-Risalah sebanyak 17 judul (20.5 peratus), buku kecil 9 judul (10.8 peratus), dan al-Syariah 8 judul (9.6 peratus). Manakala siri-siri lain belum diterbitkan.

Dalam tempoh tahun-tahun 1980-an iaitu dari tahun 1980 hingga 1989, sebanyak 141 judul risalah telah diterbitkan. Dalam tempoh ini, siri al-Risalah adalah terbitan yang paling banyak dihasilkan, iaitu 71 judul, kira-kira 50.4 peratus daripada penerbitan risalah dalam tempoh tersebut. Ini diikuti oleh buku kecil sebanyak 26 judul (18.4 peratus), al-Yakin 21 judul (14.9 peratus), Islam Itu Mudah 11 judul (7.8 peratus), DPNI 6 judul (4.3 peratus) dan pamflet 6 judul (4.3 peratus).


Bagi tahun-tahun 1990-an, iaitu dari tahun 1990 hingga 1997, jumlah risalah yang diterbitkan ialah 94 judul. Dalam tempoh ini penerbitan lebih tertumpu kepada risalah yang tidak bersiri, iaitu buku kecil dan pamflet. Dalam tempoh tersebut, buku kecil diterbitkan sebanyak 52 judul iaitu 55.3 peratus, manakala pamflet sebanyak 30 judul (31.9 peratus). Siri-siri lain agak sedikit diterbitkan berbanding dua jenis risalah tersebut, iaitu al-Yakin 7 judul (7.4 peratus) dan al-Risalah 5 judul (5.3 peratus). Siri-siri lain iaitu al-Syariah, DPNI dan Islam Itu Mudah tidak diterbitkan lagi.

Daripada keseluruhan risalah yang diterbitkan didapati siri al-Risalah adalah paling banyak diterbitkan iaitu 93 judul semuanya (29.2 peratus), disusuli oleh buku kecil sebanyak 87 judul (27.4 peratus), al-Yakin 77 judul (24.2 peratus), pamflet 36 judul (11.3 peratus), Islam Itu Mudah 11 judul (3.5 peratus), al-Syariah

8 judul (2.5 peratus) dan DPNI 6 judul (1.9 peratus). Untuk mendapat gambaran lebih mudah tentang prestasi penerbitan risalah ini, sila lihat carta 2.1.

Carta 2.1

Prestasi Penerbitan Risalah Mengikut Siri Dari Tahun 1968 Hingga 1997.



Satu lagi aspek yang agak penting ditinjau dalam penerbitan risalah JAKIM ialah dari sudut bahasa. Daripada 318 judul risalah yang diterbitkan oleh JAKIM, didapati risalah dalam bahasa Melayu paling banyak diterbitkan, iaitu 237 judul, kira-kira 74.5 peratus. Ini menunjukkan sasaran utama yang ingin ditujukan oleh JAKIM dalam penyebaran risalahlnya ialah orang-orang yang boleh menguasai bahasa Melayu khususnya orang-orang Melayu sendiri. Di samping itu risalah dalam bahasa-bahasa lain juga turut diterbitkan, iaitu meliputi bahasa-bahasa Inggeris, Arab, Cina, Tamil, Dusun/Kadazan dan Iban. Prestasi keluaran risalah mengikut bahasa-bahasa tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 2.7

Jumlah Penerbitan Risalah Mengikut Bahasa

Bil.	Bahasa	1968-79	1980-89	1990-97	Jumlah	%
1.	B. Melayu	66	95	76	237	74.5
2.	B. Inggeris	10	24	13	47	14.8
3.	B. Arab	0	0	1	1	0.3
4.	B. Cina	7	13	0	20	6.3
5.	B. Tamil	0	3	3	6	1.9
6.	B. Dusun/Kadazan	0	6	0	6	1.9
7.	Iban	0	0	1	1	0.3
Jumlah		83	141	94	318	100.0

Daripadauraian di atas dapat disimpulkan bahawa risalah juga menjadi wasilah penting dalam aktiviti dakwah melalui media cetak yang dilaksanakan oleh JAKIM. Jumlah yang agak besar dihasilkan menunjukkan keupayaan dan kesungguhan JAKIM berperanan melaksanakan dakwah melalui bidang ini.

### **2.3.6. Penerbitan Lain**

Selain buku, jurnal, majalah, buletin dan risalah, JAKIM juga menerbitkan beberapa jenis media cetak lain seperti sebuah tabloid iaitu *Suara Masjid Negara*, kalendar Islam, poster dan stiker.

*Suara Masjid Negara (SMN)* mula diterbitkan pada tahun 1976 dan diterbitkan secara mingguan iaitu pada setiap hari Jumaat. Tabloid ini mengandungi berita-berita perkembangan Islam semasa sama ada peringkat nasional mahupun dunia, selain beberapa rencana mengenai Islam, sudut puisi dan renungan. Tabloid ini diterbitkan sebanyak lapan halaman, muka hadapan dan belakangnya dalam dua warna, manakala kandungan isinya dalam hitam putih. Sasaran media ini agak terhad iaitu diedarkan kepada para jemaah Masjid Negara semasa sembahyang Jumaat sahaja dengan terbitan sebanyak 5,000 naskhah setiap keluaran. Pada hari perayaan tertentu seperti pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, keluaran khas *SMN* diterbitkan. Biasanya ia diterbitkan dalam saiz majalah dengan kulit hadapan dan belakangnya dalam empat warna.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Mohd. Shukri bin Abdul Ghani (1998).

Poster yang diterbitkan oleh JAKIM pula ialah poster yang mempunyai mesej dakwah. Pada lazimnya poster yang diterbitkan ialah lukisan yang disertakan tulisan-tulisan yang membawa pengertian tertentu seperti poster untuk mengingatkan masyarakat terhadap ajaran sesat, ingatan tentang pendidikan anak-anak dan sebagainya. Selain itu terdapat juga poster-poster yang hanya memaparkan tulisan seperti ayat-ayat al-Qur'an atau hadith yang ditulis dengan khat yang cantik sama ada disertakan maksudnya atau pun tidak. Poster-poster yang diterbitkan mempunyai pelbagai ukuran dan saiz, dan menggunakan kertas-kertas tertentu sesuai dengan penerbitan sebuah poster.

Stiker pula satu jenis lagi penerbitan media cetak JAKIM. Ia lazimnya diterbitkan sempena perayaan-perayaan tertentu seperti sambutan Ma`al Hijrah dan Maulidur Rasul. Biasanya stiker memaparkan ungkapan-ungkapan tema sesuatu perayaan, ungkapan-ungkapan yang mengajak manusia ke arah kebaikan, logo atau pengertian sesuatu ayat al-Qur'an atau hadith. Dari segi bentuk, stiker yang pernah diterbitkan mempunyai pelbagai bentuk dan saiz, diperbuat daripada plastik yang sesuai dilekatkan pada cermin-cermin kendaraan atau dinding-dinding yang bercermin.

Kalendar Islam adalah terbitan tetap JAKIM setiap tahun. Ia merupakan sebuah kalender tahun Hijriyah dengan disertakan penyelarasannya dalam tahun Masihi. Kalender ini diterbitkan pada setiap awal Muharam. Dalam kalendar ini dimuatkan juga jadual waktu sembahyang bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Edaran kalendar ini juga agak terhad iaitu diterbitkan sejumlah antara 20,000 hingga 30,000 naskhah setiap keluaran dan kebanyakannya

diedarkan kepada penduduk di sekitar Kuala Lumpur sahaja, iaitu diberikan kepada orang ramai yang mendapatkannya sendiri di JAKIM.<sup>1</sup>

Daripada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa JAKIM telah berperanan menerbitkan media cetak dakwah dalam jenis-jenis tertentu merangkumi pelbagai bidang serta mempunyai kuantiti dan kualiti tertentu untuk keperluan masyarakat. Dari sudut kepelbagaian jenis dan bidang, pembahagian dan pecahan jenis-jenis media cetak seperti yang dijelaskan di atas, menunjukkan JAKIM mempunyai pendekatan dan teknik tertentu untuk tujuan media cetak tersebut dapat menemui sasaran yang berbeza dan mempengaruhinya. Dalam hubungan ini, pendekatan dan teknik penyampaian adalah perkara-perkara yang sangat perlu diberi perhatian supaya sasaran dapat menerima isi dakwah yang dikemukakan.<sup>2</sup> Dari sudut kuantiti dan kualitinya pula, ia dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan dakwah oleh masyarakat.

#### **2.4. Sambutan Masyarakat Terhadap Media Cetak JAKIM**

Seperti yang telah dijelaskan dalam fasal-fasal 2.2 dan 2.3 yang lalu, JAKIM menerbitkan beberapa jenis media cetak dengan matlamat untuk menyampaikan dakwah. Usaha ini tidak akan membawa sebarang makna jika sekiranya terbitan-terbitan tersebut tidak sampai kepada masyarakat. Untuk mengukur penerimaan masyarakat terhadap media cetak JAKIM, terdapat dua ukurara yang perlu ditinjau, iaitu dari aspek bagaimana terbitan itu disebarluaskan, dan

---

<sup>1</sup>Muhammad Yamin bin Ismail (1997).

<sup>2</sup>Ab. Aziz bin Mohd. Zin (1995): 80.

dari aspek tindak balas masyarakat terhadap sebaran terbitan tersebut kepada mereka.

#### **2.4.1. Penyebaran Media Cetak JAKIM**

Berbicara tentang kaedah penyebaran media cetak, tidak dapat tidak ia menyangkut soal pemasaran. Mengikut pengkaji-pengkaji sistem pemasaran, ada empat elemen penting dalam konsep pemasaran moden, iaitu keluaran, harga, saluran pengedaran dan promosi yang diistilahkan sebagai 4P (*product, price, physical distribution and promotion*).<sup>1</sup> Dalam konteks ini JAKIM juga memasarkan terbitan media cetaknya berdasarkan konsep tersebut.

##### **(a) Keluaran**

Dalam aspek keluaran, perancangan adalah satu perkara yang amat penting. Perancangan keluaran dalam konteks penerbitan media cetak JAKIM bermaksud proses merangka penghasilan jenis-jenis terbitan sama ada judul-judul baru atau ulang cetak untuk diedarkan di pasaran bagi mencapai matlamat dakwah. Dalam hal ini, JAKIM didapati membuat perancangan keluarannya setiap tahun secara tekal (konsisten) atas sebab diperlukan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan. Pada kelazimannya perancangan keluaran yang dibuat oleh JAKIM disediakan oleh Bahagian Penerbitannya. Perancangan tersebut mengandungi unjuran tertentu tentang jumlah yang akan diterbitkan mengikut jenis-jenis media penerbitan. Ia kemudian dikemukakan dalam Mesyuarat Semakan Anggaran

---

<sup>1</sup>Hamedи Mohd. Adnan (1996): 5 - 6.

Belanjawan Tahunan<sup>1</sup> dan dibincang secara teliti dengan mengambil kira keperluan dan matlamat jabatan bersesuaian dengan peruntukan kewangan bagi sesuatu tahun.

Oleh kerana penerbitan media cetak JAKIM merupakan satu usaha dakwah, kadang-kadang keadaan semasa yang berlaku dalam masyarakat memerlukan JAKIM bertindak secara cepat membuat keputusan baru atau mengubah semula rancangan penerbitan media cetaknya. Dalam hal ini JAKIM telah membentuk sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Penerbitan.<sup>2</sup> Jawatankuasa ini diberi kuasa dalam penentuan dasar penerbitan JAKIM, menentukan hala tuju penerbitan masa hadapan, menyelaraskan penerbitan antara bahagian JAKIM, memastikan perjalanan aktiviti penerbitan JAKIM berjalan dengan teratur dan cuba mencari jalan penyelesaian jika sesuatu masalah berlaku. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa memutuskan tentang keperluan sesuatu bahan yang akan diterbitkan sama ada berkaitan keperluan segera atau peruntukan kewangan. Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa mengikut wujudnya keperluan-keperluan tersebut.

Daripada penjelasan di atas, didapati proses perancangan keluaran yang dilakukan oleh JAKIM menampakkan wujudnya satu sistem yang teratur. Ia boleh dianggap sebagai satu perancangan yang mantap kerana dibuat secara kolektif dan dibincang oleh ramai orang selaras dengan matlamat dan keupayaan kewangan JAKIM.

---

<sup>1</sup> Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian JAKIM.

<sup>2</sup> Jawatankuasa Penerbitan ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, manakala Timbalan Pengerusinya ialah Timbalan Ketua Pengarah JAKIM. Ahli-ahlinya pula adalah terdiri daripada Pengarah Bahagian Dakwah, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Pengarah Institut Pengajian Tahfiz dan al-Qur'an, Imam Besar Masjid Negara dan Pengarah Bahagian Penerbitan.

**(b) Harga**

Harga terbitan berjual ditentukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Penentuan tersebut adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh JAKIM dengan mengambil kira aspek-aspek kos pengeluaran<sup>1</sup> dan kos cetak seunit. (Sila lihat jadual 2.8). Penentuan harga juga mengambil kira bahawa ia dapat menutup kos walaupun setelah diberi potongan 40 peratus iaitu kadar yang paling tinggi pernah dibenarkan oleh Kementerian Kewangan.<sup>2</sup>

Jadual 2.8

Contoh Cadangan Penetapan Harga Buku JAKIM

Bil.	Judul Buku	Jumlah Kos Cetak (RM)	Kuantiti Cetak	Kos Cetak Seunit (RM)	Cadangan Harga (RM)
1.	<i>Kerohanian Dlm. Islam</i>	12,970.00	5,000	2.594	6.50
2.	<i>Perkembangan Tasawuf Islam</i>	20,220.00	5,000	4.044	10.50
3.	<i>Aqidah Mukmin</i>	18,240.00	5,000	3.648	8.50
4.	<i>Nilai-Nilai Islam Satu Pengenalan</i>	16,974.00	5,000	3.395	8.50
5.	<i>Bulugh al-Marām</i> Jld. 2	32,500.00	5,000	6.50	15.00
6.	<i>Mei Hua</i>	6,000.00	2,000	3.00	6.00

<sup>1</sup>Kos pengeluaran adalah meliputi kos aturhuruf, kos rekaletak, kos rekabentuk, kos filem dan kos cetak.

<sup>2</sup>Fail JPM(U) 10/1/31.

Daripada penjelasan di atas, didapati harga-harga buku dan jurnal yang diterbitkan oleh JAKIM ditentukan dan dikawal oleh Kementerian Kewangan berdasarkan perkiraan-perkiraan tertentu yang dicadangkan oleh JAKIM. Perkiraan-perkiraan tersebut masih tidak terkeluar daripada dasar penerbitan JAKIM iaitu yang bermatlamatkan dakwah. Dengan demikian didapati harga-harga buku dan jurnal yang diterbitkan oleh JAKIM tidaklah begitu tinggi seperti yang telah dijelaskan dalam fasal 2.2.3 sebelum ini.

#### **(c) Saluran Pengedaran**

Dalam bidang pemasaran media cetak, kebanyakan penerbit menggunakan pelbagai saluran pengedaran. Saluran-saluran tersebut dapat dibahagikan kepada dua iaitu bentuk lazim dan bentuk tidak lazim. Bentuk lazim adalah mengikut pola biasa, iaitu daripada penerbit kepada pemborong yang menyalurkan kepada kedai buku dan akhirnya kedai buku kepada pembaca. Terdapat dua variasi terhadap sistem ini; pertama, pemborong juga membuka kedai buku dan menjual secara langsung kepada pengguna; dan kedua, kedai buku membeli langsung daripada penerbit dan kemudiannya menjual kepada pembaca. Bentuk tidak lazim ialah apabila orang ramai membeli secara langsung daripada penerbit.<sup>1</sup>

JAKIM juga tidak terlepas daripada mengamalkan amalan sedemikian dalam penyaluran terbitannya untuk diedarkan kepada khalayak. Dalam bentuk yang lazim, JAKIM menggunakan pemborong dan kedai buku sebagai saluran

---

<sup>1</sup>Hamedи Mohd. Adnan (1996): 127.

pengedaran<sup>1</sup> terbitan jualannya untuk sampai kepada pengguna. Dalam hal ini JAKIM mengamalkan jualan secara langsung, iaitu mana-mana pemborong, kedai buku dan orang ramai boleh mendapatkan buku-buku daripada JAKIM tanpa membuat ikatan perjanjian pengedaran.<sup>2</sup> Menurut Rusmiati Harun, cara ini dirasakan sesuai dalam amalan pemasaran JAKIM kerana JAKIM merupakan sebuah penerbit kecil. Dengan penjualan terus yang disertai pembayaran tunai, maka soal kredit tidak menjadi bebanan.<sup>3</sup>

Dalam bidang pemarasan buku ini, JAKIM pernah mengamalkan kaedah perlantikan agen melalui ikatan perjanjian dengan mengenakan syarat-syarat tertentu, iaitu antara tahun 1989 hingga 1994. Kaedah ini diamalkan dengan tujuan meningkatkan penjualan dan pembinaan pasaran buku, memastikan semua bakal pembeli buku JAKIM dapat membeli buku yang dikehendaki dengan mudah, meluaskan sebaran buku dan jurnal JAKIM dan memberi nasihat serta maklum balas pasaran kepada Bahagian Penerbitan JAKIM. Antara syarikat pengedar yang pernah dilantik ialah S.A. Majid & Co., Kuala Lumpur; Pustaka Husin, Muar, Johor; Pustaka Ahmad Omar al-Yunan, Kuala Terengganu; Toko Buku Cahaya Baru, Alor Setar; Pustaka Bakti, Kuala Terengganu; Penerbit Hizbi, Shah Alam; Koperasi Pusat Islam, Kuala Lumpur; Pustaka Firdauz, Kuala Lumpur; Pustaka Tawakkal, Kuala Lumpur; Pustaka Mukmin, Kuala Lumpur dan Kuantex Industries Sdn. Bhd., Kuantan.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup>Pada masa ini terdapat 23 buah pengedar atau kedai buku yang menjadi pelanggan tetap membeli buku-buku JAKIM. Pengedar-pengedar tersebut adalah seperti dalam senarai di Lampiran 15.

<sup>2</sup>Mastura binti Hassan (1997).

<sup>3</sup>Rusmiati binti Harun (1997).

<sup>4</sup>Mohamed bin Jusoh (1997).

Perlantikan agen pemasaran ini dibuat melalui satu bentuk ikatan perjanjian dengan persetujuan terhadap beberapa perkara oleh kedua-dua pihak iaitu antara JAKIM sebagai penerbit dengan agen yang dilantik. Antara syarat dan persetujuan itu ialah agen perlu menyampaikan suatu jaminan bank terlebih dahulu kepada penerbit dengan amaun tertentu yang dipersetujui bersama sebagai cagaran terhadap apa-apa dan segala hutang atau tanggungan agen kepada penerbit. Perlantikan agen-agen ini adalah mengikut tempoh-tempoh tertentu. Dalam tempoh itu agen boleh membeli buku-buku seberapa banyak yang ia mahu, tetapi mestilah tidak melebihi jumlah jaminan bank yang diberikan. Dalam tempoh itu juga agen dikehendaki menjelaskan segala pembayaran kepada penerbit. Jika agen gagal berbuat demikian, secara automatik penerbit akan memiliki jumlah jaminan bank yang dicagarkan. Dalam perjanjian itu juga penerbit berhak mengikut budibicaranya yang mutlak mengenakan pampasan sebanyak RM100.00 kepada agen atas setiap cek yang diterima oleh penerbit tetapi tidak dilayani atau ditolak oleh bank apabila dimajukan untuk pembayaran atas kedudukan akaun agen atau atas sebab-sebab apa jua pun kecuali disebabkan oleh penerbit. Perjanjian yang dimeterai itu juga tidak bermaksud bahawa agen telah dilantik sebagai agen tunggal oleh penerbit. Penerbit juga boleh menamatkan perjanjian tersebut pada bila-bila masa jika agen tidak mengikuti syarat-syarat perjanjian dengan memberikan sebulan notis.<sup>1</sup>

Perlantikan pengedar cara ini sedikit sebanyak menampakkan keberkesanan dalam bidang pemasaran buku-buku JAKIM, kerana pada tahun-tahun 1989, 1990 dan 1991, penjualan buku-buku JAKIM telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Misalnya pada tahun 1989 penjualan buku JAKIM mencatat nilai

---

<sup>1</sup> Butir-butir lanjut mengenai perjanjian ini dapat dilihat dalam Lampiran 16.

RM690,683.08, meningkat 111 peratus daripada tahun 1988 yang mencatat jumlah RM327,759.25. Pada tahun 1990 pula hasil jualan meningkat lagi kepada RM734,519.96, iaitu meningkat 6 peratus berbanding tahun 1889. Lihat jadual 2.9.

**Jadual 2.9**

**Hasil Jualan Terbitan JAKIM Dari Tahun 1985 Hingga 1997**

Tahun	Jualan (RM)
1985	243,336.41
1986	269,225.97
1987	276,437.46
1988	327,759.25
1989	690,683.08
1990	734,519.96
1991	629,361.22
1992	393,704.75
1993	570,943.49
1994	619,078.01
1995	326,287.39
1996	271,520.42
1997	1,463,349.48
<b>JUMLAH</b>	<b>6,816,206.89</b>

Selain menyalurkan buku-bukunya dalam bentuk lazim ini, JAKIM juga mengamalkan kaedah pemasaran tidak lazim, iaitu menjual buku-bukunya secara sendiri. Terdapat tiga cara jualan secara sendiri ini iaitu melalui kedai buku JAKIM di premis Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur; jualan melalui ekspo atau pameran jualan buku yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu di merata tempat di negara ini dan jualan secara kiriman pos. Di kedai buku JAKIM, jualan dilakukan secara runcit dan borong. Waktu urusniaganya ialah dalam waktu pejabat sahaja, iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 4.15 petang pada hari-hari Isnin hingga Jumaat, dan dari jam 8.00 pagi hingga jam 12.45 tengah hari pada hari Sabtu. Jualan secara penyertaan ekspo dan pameran dilakukan dengan menyertai ekspo atau pameran buku yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu mengikut tempat dan masa-masa tertentu. Jualan secara pos pula ialah JAKIM melayani permintaan orang ramai melalui pos, dan kos pos ditanggung oleh pembeli.

JAKIM juga pernah mengamalkan penjualan buku-bukunya secara konsignasi (kirim dan jual atau *consignment* ), iaitu pegawai atau kakitangan JAKIM boleh menjadi penjual buku-buku JAKIM dengan dibenarkan mengambil sejumlah buku dengan nilai tidak lebih daripada tiga bulan gajinya tanpa membayar wang pendahuluan atau cagaran. Hasil jualan atau keuntungan tersebut dibayar kepada JAKIM kemudiannya mengikut perjanjian yang dipersetujui.<sup>1</sup>

Edaran terbitan percuma juga dilakukan melalui pelbagai cara. Antara cara yang dilakukan oleh JAKIM ialah melalui kedai buku JAKIM, penghantaran melalui kiriman pos, penghantaran ke tempat-tempat tertentu yang telah dikenal

---

<sup>1</sup>Rusmiati binti Harun (1997).

pasti seperti jabatan kerajaan, jabatan agama Islam negeri, hospital, perpustakaan, sekolah, pusat pengajian dan lain-lain di dalam negeri. Selain itu edaran terbitan percuma juga dilakukan melalui cara penghantaran ke rumah-rumah di sekitar Lembah Kelang dengan kerjasama Pos Malaysia, edaran melalui penceramah-penceramah JAKIM yang keluar berceramah di merata tempat di negara ini, dan edaran semasa ekspos jualan dan pameran buku yang diadakan di tempat-tempat tertentu dalam masa-masa tertentu. Edaran terbitan percuma ini juga melampaui keluar negeri iaitu penghantaran ke pejabat Kedutaan Malaysia dan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara.

Mulai tahun 1997, satu era baru dalam penyebaran media cetak JAKIM kepada orang ramai khususnya terbitan percumanya ialah melalui internet. Selaras dengan kemajuan dan perkembangan sistem komunikasi dewasa ini, JAKIM menawarkan khidmat dakwah melalui media cetak ini secara lebih meluas dengan memasukkan risalah-risalah percumanya ke dalam internet. Orang ramai dari seluruh dunia boleh membuka laman (*home page*) JAKIM dengan menggunakan alamat <http://www.islam.gov.my> dan dari situ mereka boleh memilih menu yang dikehendaki.<sup>1</sup>

Daripada penjelasan di atas, jelas bahawa JAKIM mengamalkan pelbagai saluran dalam pemasaran media cetaknya, sama ada menggunakan bentuk lazim atau tidak lazim. Matlamatnya ialah untuk menyampaikan terbitan-terbitan tersebut kepada orang ramai.

---

<sup>1</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996c).

#### (d) Promosi

Dalam bidang pemasaran, elemen yang keempat ialah promosi. Promosi jualan biasa ditakrifkan sebagai "aktiviti-aktiviti yang membantu dan menyelaraskan pengiklanan dan jualan supaya berkesan seperti peragaan, pameran dan aktiviti lain."<sup>1</sup> Bagi usaha promosi ini, JAKIM telah melaksanakan pelbagai usaha dan strategi. Antaranya ialah menerbitkan katalog penerbitan, mengadakan pameran, memperkenalkan buku melalui ceramah atau kursus yang diadakan, mengadakan pelancaran buku, memberi diskaun tertentu, mengiklan melalui media massa mengedarkan brosur-brosur publisiti dan mengedarkan maklumat menerusi iklan dalam media-media terbitan JAKIM.<sup>2</sup>

Satu bentuk promosi yang lazim dilakukan untuk menarik minat pemborong atau pembeli atau juga pembaca untuk membeli buku-buku ialah penerbit memperkenalkan sistem potongan harga. Para penerbit biasanya memberikan potongan harga antara 25 peratus hingga 40 peratus kepada pengedar atau pembeli, sementara pengedar pula memberikan 20 peratus potongan harga kepada pekedai buku. Pekedai buku pula kadang-kadang memberikan potongan harga 10 peratus kepada pembeli.<sup>3</sup> Dalam hal ini JAKIM memperkenalkan kadar potongan harga yang menasabah kepada pengedar-pengedar buku kerana mereka adalah orang yang memain peranan penting untuk memasarkannya. Begitu juga kepada pembeli kerana tujuannya ialah supaya mereka menjadi ter dorong untuk memiliki buku-buku yang diterbitkan oleh JAKIM. Sesuai dengan harga buku yang rendah, pada mulanya JAKIM memberi kadar potongan harga yang rendah juga, iaitu 15 peratus

---

<sup>1</sup>Dartnell Corp. (1979): 3.

<sup>2</sup>Contoh-contoh promosi tersebut ialah seperti di Lampiran 17.

<sup>3</sup>Hamedи Mohd. Adnan (1996): 127.

bagi pembelian buku yang melebihi 10 buah bagi setiap judul. Kadar ini diperkenalkan sejak tahun 1978 sehingga 1988. Kadar potongan sebanyak ini didapati kurang menggalakkan pembeli atau pemberong kerana penerbit-penerbit lain mempu menawarkan kadar potongan sehingga 40 peratus bagi setiap pembelian secara borong atau melebihi 10 buah.

Pada tahun 1989, satu langkah yang lebih positif telah diambil oleh JAKIM. Mulai tahun tersebut, kadar peratusan potongan harga yang diberikan kepada pemberong dinaikkan kepada 30 peratus. Hasil daripada kadar potongan ini, jualan telah meningkat. Hal ini menggalakkan pemberong dan pembeli membeli lebih banyak buku-buku terbitan JAKIM. Bagi memperhebat lagi penyebaran dakwah melalui penerbitan buku-buku Islam ini, JAKIM sekali lagi memperkenal kadar potongan yang lebih menarik mulai tahun 1994. Kadar potongan yang diperkenal ialah 10 peratus bagi pembelian melebihi RM 50.00 sehingga RM 300.00; 20 peratus bagi pembelian melebihi RM 300.00 sehingga RM 1,000.00; 30 peratus bagi pembelian melebihi RM 1,000.00 sehingga RM 1,500.00 dan 35 atau 40 peratus bagi pembelian melebihi RM 1,500.00 ke atas. Di samping tawaran potongan harga yang diberikan itu, sekali sekala JAKIM mengadakan jualan istimewa dengan menawarkan potongan harga sehingga melebihi 60 peratus untuk buku-buku tertentu.<sup>1</sup>

Daripada penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa kaedah penyebaran media cetak JAKIM yang terdiri daripada terbitan jualan dan terbitan percuma adalah pelbagai. Ia termasuklah kaedah yang lazim digunakan oleh mana-mana

---

<sup>1</sup>Lihat Lampiran 18.

penerbit media cetak di dunia ini sehingga hal kepada kaedah terkini iaitu melalui internet.

#### **2.4.2. Penerimaan Masyarakat**

Terdapat beberapa indikator yang boleh memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap media cetak JAKIM. Antara indikator itu ialah jumlah cetakan dan hasil jualan bagi sesuatu terbitan. Indikator-indikator ini merangkumi kedua-dua kategori terbitan JAKIM iaitu terbitan percuma dan terbitan jualan.

Jumlah cetakan sesuatu terbitan sama ada yang berjual atau yang percuma adalah bergantung kepada banyak faktor, antaranya mengikut keperluan semasa, permintaan masyarakat dan pentingnya sesuatu judul itu diketengahkan kepada masyarakat. Jadual 2.10 menunjukkan sebahagian daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM yang boleh memperlihat kuantiti pengeluaran naskhah setiap terbitan bagi mencapai matlamat tersebut. Daripada jadual tersebut menunjukkan jumlah naskhah terbitan setahun adalah melebihi 5 juta. Angka ini bukanlah satu angka yang tepat, tetapi merupakan satu angka secara kasar berdasarkan rancangan dan anggaran peruntukan tahunan yang disediakan setiap tahun.<sup>1</sup> Angka jumlah naskhah terbitan jika dihitung dari sejak JAKIM mula beroperasi, tentulah lebih besar.

---

<sup>1</sup> Angka-angka yang ditunjukkan dalam jadual tersebut merupakan anggaran kasar tentang jumlah naskhah yang diterbitkan. Angka-angka itu diperolehi daripada Buku Anggaran Perbelanjaan Tahunan Bahagian Penerbitan JAKIM yang disediakan setiap tahun, iaitu dari tahun 1993 sehingga 1997. Maklumat tentang keluaran sebenar tidak dapat diperolehi kerana rekod tidak kemaskini. Biasanya angka-angka yang ditunjukkan itu adalah angka yang hampir dengan angka sebenar kerana dalam menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan, unjuran sesuatu item yang dinyatakan dalam sesuatu tahun adalah berdasarkan prestasi sebenar tahun sebelumnya.

Jadual 2.10

## Anggaran Kasar Naskhah Cetakan Bagi Jenis Media Cetak JAKIM Mengikut Tahun Dari Tahun 1993 Hingga 1997

Bil.	Terbitan	1993	1994	1995	1996	1997
1.	Buku jualan	56,000	56,000	56,000	60,000	60,000
2.	Buku percuma	35,000	35,000	25,000	27,000	27,000
3.	<i>Sinaran Islam</i>	90,000	90,000	90,000	40,000	40,000
4.	Cahaya	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000
5.	<i>Ruhaniyyat</i>	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000
6.	Pendidik	60,000	60,000	60,000	40,000	40,000
7.	<i>Uswah</i>	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000
8.	<i>Takmir</i>	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000
9.	Risalah	420,000	420,000	420,000	420,000	420,000
10.	Pamflet	30,000	30,000	30,000	40,000	50,000
11.	Takwim	40,000	40,000	40,000	30,000	30,000

12.	Stiker	10,000	10,000	10,000	10,000
13.	Poster	20,000	20,000	20,000	20,000
14.	<i>Suara Masjid Negara</i>	520,000	520,000	520,000	546,000
15.	Terbitan Khas	20,000	20,000	20,000	20,000
16.	Jurnal	2,000	2,000	2,500	2,500
<b>JUMLAH</b>		<b>5,918,000</b>	<b>5,918,000</b>	<b>5,918,500</b>	<b>5,890,500</b>

Daripada data-data tersebut didapati *Suara Masjid Negara* adalah terbitan yang terbesar jumlah naskhah yang diterbitkan iaitu melebihi 500,000 naskhah setahun. Ini adalah kerana tabloid tersebut merupakan terbitan mingguan yang diedarkan kepada para jemaah yang hadir solat Jumaat di Masjid Negara setiap minggu. Terbitan risalah menduduki jumlah edaran yang kedua besarnya selepas *Suara Masjid Negara*.

Dalam melihat sambutan masyarakat terhadap sesuatu terbitan, aspek ulang cetak juga boleh memberi satu petunjuk terhadap minat masyarakat. Dalam konteks penerbitan JAKIM, terdapat beberapa judul yang banyak kali diulang cetak. Dalam bidang buku jualan, didapati buku-buku yang paling banyak diulang cetak ialah kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* iaitu bagi versi Rumi telah diulang cetak sebanyak lapan kali, manakala versi Jawi telah diulang cetak sebanyak 13 kali.<sup>1</sup> Setiap cetakan adalah antara 10,000 hingga 25,000 naskhah. Kitab-kitab hadith juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Misalnya kitab *Mastika Hadith* jilid muqaddimah dan jilid satu (Jawi) telah dicetak sebanyak 11 kali dan jilid kedua dicetak lima kali. Sebuah lagi buku yang mendapat sambutan ialah buku *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Buku ini yang diterbitkan dalam tahun 1997 telah diulang cetak sebanyak tiga kali, iaitu ulang cetak pertama sebanyak 2,000 naskhah, ulang cetak kedua sebanyak 150,000 naskhah, dan ulang cetak ketiga sebanyak 50,000 naskhah. Buku ini digunakan sebagai teks bacaan bagi kursus perkahwinan yang diadakan di seluruh negeri di negara ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Cetakan Pertama pada Rejab 1400/Mei 1980, cetakan kedua pada Rabiulawal 1402/Januari 1982, cetakan ketiga pada Ramadan 1405/Jun 1985, cetakan keempat pada Zulhijah 1407/Ogos 1987, cetakan kelima pada Rabiulakhir 1408/Disember 1987, cetakan keenam pada Rabiulakhir 1409/November 1988, cetakan ketujuh pada Rabiulawal 1413/Julai 1992 dan cetakan kelapan pada Muharam 1416/Jun 1995.

<sup>2</sup>Abu Bakar bin Mohammad (1997).

Selain buku jualan yang diulang cetak berkali-kali, terdapat juga buku-buku percuma dan risalah yang banyak kali juga diulang cetak. Sebagai contoh, dalam tahun 1997, sebanyak 10 judul risalah telah diulang cetak yang melibatkan kuantiti sebanyak 110,000 naskhah semuanya. Setiap judul dicetak antara 5,000 naskhah hingga 30,000 naskhah. Sila lihat jadual berikut :

**Jadual 2.11**

**Risalah Yang Diulang Cetak Pada Tahun 1997**

Bil.	Judul Risalah	Jumlah Naskhah
1.	<i>PanduanQiamullail</i>	10,000
2.	<i>Selepas Perkahwinan - Apa Hak Wanita Perlu Dituntut</i>	5,000
3.	<i>Bidang Kuasa Wali Dalam Pernikahan</i>	5,000
4.	<i>Asas Kepercayaan Muslim</i>	10,000
5.	<i>Membina Generasi Masjid</i>	10,000
6.	<i>Kenapa Islam Memerangi Kejahilan</i>	10,000
7.	<i>Ciri-Ciri Manusia Unggul</i>	10,000
8.	<i>Rumahku Syurgaku</i>	10,000
9.	<i>Surah Ya Sin</i>	30,000
10.	<i>Wirid, Tahlil, Solat Jenazah dan Talqin</i>	10,000
<b>JUMLAH</b>		<b>110,000</b>

Satu sudut lagi yang dapat memperlihatkan sambutan masyarakat terhadap media cetak JAKIM ialah hasil jualan terbitan jualan. Mengikut rekod yang disediakan oleh Bahagian Penerbitan JAKIM, hasil jualan buku-buku JAKIM sejak tahun 1985 hingga 1997 sahaja telah mencatatkan jumlah RM 6,816,206.89.<sup>1</sup> Selain itu, aspek yang wajar dilihat juga ialah kecenderungan masyarakat terhadap bidang dan judul terbitan yang dikeluarkan oleh JAKIM. Mengikut data-data jualan buku dari tahun 1994 hingga 1997, didapati buku-buku yang banyak terjual ialah buku-buku dalam bidang syariah iaitu 121,339 naskhah, kemudian buku-buku kesusasteraan, iaitu 80,174 naskhah, kemudian diikuti buku dalam bidang al-Qur'an dan tafsir sebanyak 52,455 naskhah, bidang al-sunnah dan hadith sebanyak 47,444 naskhah dan bidang tasawuf dan akhlak sebanyak 11,033.<sup>2</sup> Buku-buku dalam bidang lain hanya mencatat di bawah 10,000 naskhah. Sila lihat jadual 2.12.

#### Jadual 2.12

#### Taburan Jualan Buku JAKIM Mengikut Bidang Dari Tahun 1994 Hingga 1997

Bil.	Bidang Terbitan	Jualan Naskhah Mengikut Tahun				
		1994	1995	1996	1997	Jumlah
1.	Al-Qur'an/Tafsir	18,712	7,777	1,210	24,756	52,455
2.	Al-Sunnah/Hadith	12,397	5,016	10,108	19,923	47,444
3.	Akidah	1,707	731	3,135	1,090	6,663
4.	Syariah/Undang-Undang	21,323	9,569	6,386	84,061	121,339
5.	Tasawuf/Akhlik	2,553	3,313	3,414	1,753	11,033

<sup>1</sup>Lihat jadual 2.9 seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

<sup>2</sup>Butiran terperinci taburan jualan buku mengikut bidang dari tahun 1994 hingga 1997 dapat dilihat dalam Lampiran 19.

6.	Kemasyarakatan	383	279	764	86	1512
7.	Ekonomi	955	1,591	1,013	282	3,841
8.	Politik	400	309	497	226	1,432
9.	Sejarah	184	76	215	97	572
10.	Pendidikan	2,427	1,903	2,339	804	7,473
11.	Falak/Astronomi	238	99	284	248	869
12.	Pengurusan	1,118	834	991	2,286	5,229
13.	Kesihatan	226	23	173	69	491
14.	Sains	344	103	164	119	730
15.	Biografi	20	15	41	34	110
16.	Kesusasteraan	21,823	17,956	26,358	14,037	80,174
<hr/>						
JUMLAH		84,810	49,594	57,092	149,871	341,367
<hr/>						

Satu lagi jenis terbitan jualan ialah jurnal. Sebanyak tiga judul jurnal diterbitkan oleh JAKIM, iaitu *Jurnal Penyelidikan Islam*, *Jurnal Hukum* dan *Jurnal Darul Quran*. Daripada tiga judul jurnal ini, dua daripadanya dijual, iaitu *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Hukum*. Manakala *Jurnal Darul Quran* diedarkan secara percuma. Jualan *Jurnal Penyelidikan Islam* dan *Jurnal Hukum* didapati tidak begitu menggalakkan. Dalam tempoh dari tahun 1994 hingga 1997 didapati hanya 3,409 naskhah sahaja yang terjual, iaitu 345 judul *Jurnal Penyelidikan Islam* dan 3,064 naskhah *Jurnal Hukum*. Mengikut prestasi jualan tahunan, didapati naskhah jualan tertinggi ialah pada tahun 1997, iaitu sebanyak 1,182 naskhah, manakala jualan terendah ialah pada tahun 1995 iaitu 520 naskhah. Untuk melihat jumlah jualan naskhah jurnal, sila lihat jadual 2.13.

Jadual 2.13

Jumlah Naskhah Jualan Jurnal Mengikut Tahun Dari Tahun 1994 Hingga 1997<sup>1</sup>

Bil.	Jurnal	1994	1995	1996	1997	Jumlah
1.	<i>Jurnal Penyelidikan Islam</i>	51	29	68	197	345
2.	<i>Jurnal Hukum</i>	760	491	828	985	3,064
	Jumlah	811	520	896	1,182	3,409

Daripada penjelasan di atas, secara umumnya media cetak JAKIM, kecuali jurnal, telah dapat sampai kepada sasaran pembaca yang agak luas. Ini adalah kerana usaha-usaha penyebaran telah dilakukan dengan pelbagai cara serta penampiliannya ke tengah khalayak mendapat sambutan yang baik.

Berdasarkan penjelasan dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa JAKIM telah melaksanakan satu tugas dakwah yang penting, iaitu menyalurkan mesej dan maklumat mengenai Islam kepada orang ramai melalui penerbitan media cetak. Penampilan beberapa judul kitab yang berautoriti seperti kitab-kitab tafsir dan hadith serta terbitan-terbitan lain yang tidak kurang pentingnya, menunjukkan usaha dakwah yang dilakukan itu memberi sumbangan besar terhadap perkembangan dakwah di negara ini.

<sup>1</sup>Taburan terperinci jualan jurnal JAKIM dari tahun 1994 hingga 1997 dapat dilihat dalam Lampiran 20.